

## BAB II

### SYAIR-SYAIR MELAYU BRUNEI

#### 2.1 Definisi

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa istilah dan asal usul syair Melayu telah banyak diperkatakan oleh para sarjana dan penyelidik.<sup>1</sup> Kata syair berasal dari bahasa Arab *syi'r* (شاعر) yang bermaksud puisi<sup>2</sup> atau

---

1. C. Hooykaas dalam Printis Sastera, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967 (cetakan pertama 1965), hal. 72, mengatakan bahawa syair adalah puisi Melayu yang asli, meskipun ia memakai istilah Arab (asing).

A. Teeuw memperkatakannya juga dalam "The Malay Shair Problems of Origin and Tradition", BKI, deel 121, 4e aflevering, 1966.

Pendapat beliau telah dibahas dengan panjang lebar oleh Syed Naguib al-Attas dalam buku-bukunya The Origin of The Malay Syair, KL: DBP., 1968 dan Concluding Postscript To The Origin of The Malay Syair, K.L.: DBP., 1971.

Pendapat mutakhir dijelaskan lagi oleh Harun Mat Piah dalam Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi, KL: DBP., 1989, hal. 209-282.

2. Thomas Patrick Hughes, op. cit., hal. 459.

Dharmawijaya mengatakan kata Arabnya "سُعُورٌ" 'سُعُور', yang bererti perasaan dalam rencana "Sumbangan Syair Dalam Kesusastraan Melayu", Mastika, KL: DBP., Mac 1962, hal. 27.

Za'ba juga menerangkan Syi'r itu bermakna perasaan yang menyedari dalam Ilmu Mengarang Melayu, KL: DBP., 1965, hal. 228.

karya puisi ataupun satu karangan puisi<sup>3</sup>. Kata syair (شاعر) pula bererti penyair<sup>4</sup> pemuisi, pengarang atau orang yang bersyair. Para sarjana sependapat mengatakan yang Hamzah Fansuri adalah pencipta syair Melayu<sup>5</sup> melalui sastera tasawuf.

Istilah syair di Indonesia lebih mirip kepada dialek kedaerahan iaitu syair dari kata sya'ara (شاعرة) sama dengan menebang (bertembang), bersyair atau mengarang syair; syair sama dengan penembang atau ahli bersyair.<sup>6</sup>

---

Ghazali Dunia menyatakan yang syi'r itu disebut juga qasidah yang amat popular di kampung-kampung hingga sekarang dalam Sastera Melayu Lama Prosa Dan Puisi, KL: Fajar Bakti, 1992, hal. 101.

3. Syair Arab berbeza dengan syair Melayu. Syair Melayu mempunyai pola rima a/a/a/a/ tetapi syair Arab hanya di hujung antara dua kerat yang sama rimanya iaitu a/b/c/b.
4. Thomas Patrick Hughes, op. cit., hal. 459.
5. Walaupun ada pertentangan pendapat antara Syed Naguib dan A. Teeuw mengenai hal ini tetapi polemik mereka lebih menonjolkan idea serta alasan untuk membuktikan yang Hamzah Fansuri adalah peneroka atau pencipta syair Melayu.
6. Zuber Usman, Kesusasteraan Lama Indonesia, Melaka: Abas Bandung, 1975, hal. 179.

Di Negara Brunei Darussalam juga terdapat satu istilah tempatan bagi syair yang disebut sebagai menambang syair yang bermaksud membaca syair dengan nada berlagu yang berbeza daripada cara membaca syair biasa.<sup>7</sup>

## 2.2 Perkembangan Syair Di Negara Brunei Darussalam

Telah dikatakan di bahagian pendahuluan bahawa tamadun persuratan sastera Melayu Brunei baik di bidang prosa mahupun puisinya telah pun ada dan berkembang sejak beberapa abad yang lalu, terutama selepas kedatangan dan berkembangnya agama Islam di gugusan pulau-pulau Melayu. Ini bererti penciptaan puisi, termasuk syair Melayu Brunei tidak kurang hebatnya dengan karya-karya yang dihasilkan seperti di Aceh, di Palembang, di Riau dan di Tanah Melayu. Hanya nama-nama pengarang Brunei Darussalam tidak menyerlah seperti Hamzah Fansuri, Raja 'Ali Haji dan lain-lainnya pada awal kurun tersebut apatah lagi kebanyakan ciptaan syair-syair Melayu Brunei tanpa menyebut nama

---

7. Awang bin Ahmad, Pengantar Sastera Lama Brunei, BSB., NBD: DBP, 1989, hal. 16.

pengarang kecuali pada pertengahan kurun ke-20.  
(Keterangan lanjut sila rujuk 2.4.1 - Pengarang).

Syair Awang Semaun, Syair-syair Agama dan Syair Rajang merupakan syair-syair yang digemari dalam tradisi lisan orang-orang Brunei pada zaman itu. Sayangnya syair-syair ini tanpa menyebutkan tarikh penulisannya. Kecuali Syair Raja Jumjuma yang dihasilkan kira-kira 147 tahun yang lalu yang ada mencatatkan tarikh tamat penulisannya iaitu pada 1 Rejab tahun 1267 Hijrah bersamaan dengan tahun 1846 Masehi (sila lihat 2.4.3 - Usia Naskhah).

Di samping itu, kira-kira di sekitar tahun tersebut seorang bangsawan Brunei, Pengiran Syahbandar Mohd. Salleh ibnu Pengiran Syarmayuda telah mengarang Syair Rakis<sup>8</sup> (sila lihat juga keterangan 2.4.4 - Tarikh).

Hampir satu abad kemudian, iaitu pada 4 Disember 1922 Masihi, seorang karyawan yang berpotensi iaitu Yang

---

8. Pengiran Syahbandar Md. Salleh ibnu Pengiran Syarmayuda, Syair Rakis, dikaji dan disusun oleh Mohd. Jamil al-Sufri, BSB., NBD: Pusat Sejarah, 1983.

Di Muliakan Pehin Si Raja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin<sup>9</sup> telah mengarang Syair Yang Dipertuan (Sultan Muhammad Jamalul Alam). Naskah ini kemudian disalin semula pada 4 April 1941 oleh Awang Hj. Damit bin Sulaiman dan beliau telah menyerahkan naskah salinannya ini kepada arkib Muzium Brunei. Jabatan Muzium Brunei telah menerbitkannya pada tahun 1979. Syair Yang Dipertuan menceritakan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Muhammad Jamalul Alam ke Singapura dan keberangkatan Prince of Wales (Prince of Edward) ke Brunei.

Perkembangan penulisan syair berterusan lagi pada beberapa tahun kemudian. Ini dapat dilihat dari karya-karya Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (lebih lanjut diterangkan dalam bab III). Baginda telah mencipta empat belas buah syair termasuk tiga judul di dalam Rampaian Laila Syair dan empat judul yang

---

9. Hasil karya beliau yang lain ialah: "Syair Yang Di Pertuan Berpuspa", "Syair Pulau Berambang", "Syair Awang Alak", dalam Syair Yang Di Pertuan, Monograf Jurnal Muzium, NBD: Muzium, 1979, hal. Kata Pendahuluan.

belum diterbitkan selama hayat baginda.<sup>10</sup> Jumlah yang sebanyak ini adalah setanding dengan pengarang Raja 'Ali Haji yang telah mengharumkan nama kepulauan Riau di pertengahan abad kesembilan belas. Raja 'Ali Haji telah menghasilkan sebanyak dua belas karya iaitu enam dalam bentuk prosa dan enam dalam bentuk puisi (termasuk lima buah syair), iaitu:-

- i) Tuhfat al-Nafis,
- ii) Salsilah Melayu dan Bugis,
- iii) Thamaratul al-Muhimma,
- iv) Muqaddimah fi Intizam al-Wazaif al-Muluk,
- v) Bustanu'l-Katibin,
- vi) Kitab Pengetahuan Bahasa,
- vii) Gurindam Dua Belas,
- viii) Syair Nasihat(?),
- ix) Syair Abd. Muluk(?)
- x) Syair Hukum Nikah/Syair Suluh Pegawai,
- xi) Syair Siti Sianah,
- xii) Syair Sinar Gemala Mastika Alam  
(Terjemahan).<sup>11</sup>

---

10. Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Di Raja, BSB., NBD: Pusat Sejarah, 1987, hal. 53 tidak mencatat syair-syair yang belum diterbitkan tetapi dalam kajian Hajah Rayah Md. 'Ali, dlm. Syair Perlembagaan: Satu Kajian Dari Sudut Karya Seni, LI., SM., sesi 1990-1991, hal. 16, mencatatkan 4 buah syair baginda yang belum diterbitkan. Keterangan ini di-dapati daripada wawancara dengan Hj. Muhamad Latif, di Jabatan Pusat Sejarah, BSB., NBD.

11. Abu Hassan Sham, "Pengarang-Pengarang Dari Kalangan Bangsawan Keturunan Bugis di Riau", dalam Siti Hawa Saleh (ed.), Cendekia Kesusastraan Melayu Tradisional, KL: DBP., 1987, hal. 179.

Selepas kemunculan syair-syair baginda ini, tiada lagi hasil karya dalam bentuk syair yang dicipta sehingga menjangkau akhir dekad 80-an. Di antara sebab-sebabnya berkemungkinan besar pengarang tidak berminat, masyarakat dan penulis lebih menumpukan perhatian kepada penulisan sajak dan subjek sastera tradisi tidak ada dalam kurikulum sekolah. Walau bagaimanpun pada awal dekad 90-an ini, masyarakat dan penulis nampaknya kembali rancak kepada penulisan syair. Ini berlaku disebabkan adanya perhatian daripada pihak kerajaan yang diwakili oleh badan-badan tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menganjurkan beberapa peraduan. Di peringkat pertama DBP menganjurkan peraduan dengan tujuan meningkatkan minat orang ramai terhadap pembacaan syair asli Brunei. Kedua, DBP mengadakan peraduan sempena menyambut Jubli Perak Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi genap dua puluh lima tahun memerintah.

Pada peringkat yang pertama di atas, semasa peraduan Membaca Syair Brunei Asli Peringkat Akhir yang berlangsung pada 25 Oktober 1988, pengarah Dewan Bahasa

dan Pustaka NBD telah menjelaskan bahawa tujuan peraduan ini diadakan ialah untuk menimbulkan kembali minat orang ramai terhadap puisi lama, cuba menghimpunkan sebanyak mungkin pembaca syair asli yang boleh menyampaikan kisah-kisah melalui lagu syair menurut irama Brunei asli, mempopularkan kembali bacaan syair Brunei asli dan mendedahkan kepada umum syair-syair karangan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, sasterawan Diraja.<sup>12</sup>

Selain daripada bertujuan untuk menggalakkan dan menghimpunkan seberapa ramai peserta, usaha ini juga bertujuan untuk mempertahankan identiti Melayu terhadap warisan bangsa. Ini telah diserukan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, NBD., Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. 'Ali bin Haji Mohd. Daud dalam ucapannya sebagai tetamu kehormat semasa pembukaan rasmi peraduan syair tersebut:-

---

12. Rosli HA, "Syair Lambang Identiti Melayu", Bahana, BSB., NBD: DBP., Feb. 1989, hal. 14.

"... agar syair Brunei asli yang merupakan sebahagian daripada lambang identiti orang Melayu yang masih kekal di Nusantara ini dipertahankan sebagai hak milik bangsa dan negara".<sup>13</sup>

Sebahagian hasil karya Almarhum yang dipertandingkan ialah Syair Nasihat, Syair Perlembagaan Negeri Brunei, Syair Kenangan, Rampaian Laila Syair dan Syair Rajang Hari (sebagai syair wajib).

Di antara hasil cipta syair yang dipertandingkan bersempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah menaiki takhta pula sebanyak 12 buah, iaitu:-

1. Syair Ristaan Budi.
2. Syair Menjunjung Hasrat.
3. Syair Payung Mahkota.
4. Syair 25 tahun Penuh Kecemerlangan.
5. Syair Seri Begawan.
6. Syair Ristaan.
7. Syair Brunei Berdaulat.
8. Syair Negara Melayu Islam Beraja.
9. Syair Kepimpinan dan Keaungan.
10. Syair Negara Brunei Makmur dan Indah.

---

13. Ibid., hal. 14.

11. Syair Kemerdekaan Di Atas Takhta Duli Baginda.
12. Syair Keagungan dan Kemajuan Negara Di Bawah Pimpinan Kebawah DYMM.

Oleh kerana peraduan ini bersempena Jubli Perak Kebawah DYMM, maka keseluruhan syair yang dipertandingkan itu adalah mengisahkan zaman pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Judul Syair Seri Begawan sahaja yang mengisahkan zaman pemerintahan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Pada keseluruhan karya-karya di atas dikategorikan sebagai syair sejarah kerana segala kisah dan peristiwa yang diutarakan adalah kisah yang sebenarnya. Kisah zaman pemerintahan Ke bawah DYMM Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah diceritakan semenjak baginda ditabalkan pada 5 Oktober 1967 sehingga Brunei mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Manakala ciptaan Syair Seri Begawan adalah memaparkan zaman pemerintahan dan kegemilangan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Sementara Syair Negara Melayu Islam Beraja pula

mengisahkan konsep MIB dan kepentingannya sebagai falsafah negara. Syair Negara Makmur Dan Indah pula mencatatkan sejarah perkembangan Brunei dari tahun 1923 sehingga menjelang kemerdekaan dalam tahun 1984.

Di bawah dipetik beberapa bait Syair Seri Begawan sebagai renungan:-

Seri Begawan raja handalan,  
memimpin negeri penuh cekalan,  
berkat sabar lagi cendekiawan,  
negara makmur aman tenteram.

Seri Begawan pemimpin agung,  
patut dipuji patut disanjung,  
di bawah panjinya rakyat berlindung,  
Negara Brunei sangat beruntung.

Di tangan baginda Brunei merdeka,  
tiada perang tiada sengketa,  
kehandalan baginda terserah nyata,  
patut dikenang rakyat jelata.<sup>14</sup>

---

14. Haji Abd. Hamid Jalaludin, "Manuskrip-Manuskrip Syair Dalam Peraduan Menulis Syair Sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta", Bahana, BSB., NBD: DBP., Disember 1992, hal. 33-37.

### **2.3 Koleksi Syair-syair Melayu dan Syair-syair Melayu Brunei**

Tiga buah institusi terbesar di Negara Brunei telah berusaha mengumpulkan manuskrip syair-syair Melayu Brunei sejak lama dahulu iaitu Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah Negara Brunei Darussalam. Koleksi perseorangan juga tidak ketinggalan bagi menambahkan khazanah kesusasteraan negara.

Ketiga-tiga institusi tersebut berjaya menyenaraikan koleksi manuskrip-manuskrip Melayu yang boleh dikatakan banyak. Di sini pengkaji hanya menyentuh koleksi ciptaan syair, dengan mengenepikan manuskrip-manuskrip yang lain baik koleksi berbentuk puisi seperti pantun, mentera mahupun prosa seperti hikayat-hikayat dan cerita.

Hasil penyelidikan pengkaji, koleksi manuskrip syair-syair Melayu dan syair-syair Melayu Brunei di Arkib

Negara Muzium Brunei berjumlah 33 naskhah.<sup>15</sup> Jumlah ini tidak termasuk syair-syair yang mempunyai banyak versi dan jilid (maksudnya jumlah ini hanya dikira satu jilid sahaja). Deskripsi ukuran, halaman dan lain-lain adalah paduan daripada senarai Arkib Muzium dan Majalah Sari.<sup>16</sup> (Sila lihat lampiran 2).

Koleksi manuskrip syair di Dewan Bahasa dan Pustaka<sup>17</sup> pula ialah sebanyak 37 naskhah (termasuk koleksi ASEAN) tetapi jumlah yang disenaraikan (lihat lampiran 3) tidak termasuk manuskrip yang mengandungi versi-versi dan

---

15. Senarai manuskrip-manuskrip syair ihsan daripada Arkib Negara, Muzium, NBD.

16. Harun Mat Piah dan Ismail Hamid, op. cit., hal. 113-117. Menurut majalah ini koleksi syair berjumlah 16 buah naskhah (tidak termasuk naskhah-naskhah yang mengandungi versi dan jilid). Kajian ini sebelum tahun 1983.

17. Senarai manuskrip syair ini adalah ihsan daripada Arkib Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, tinjauan juga pada majalah Sari oleh Harun Mat Piah dan Ismail Hamid dan keterangan Awang bin Ahmad semasa temubual di pejabatnya pada 20 Julai 1993. Sebagai keterangan lanjut, syair-syair yang sudah tercatat dalam Sari tidak akan diulang catatannya jika judul yang sama terdapat dalam senarai Arkib DBP. Misalnya Syair Awang Semaun dan Syair Rajang. Manakala keterangan ukuran dan juga halaman dipetik dalam majalah Sari. Sementara penunjuk (contoh: Universiti Malaya No. Reel 1) bermaksud masih terdapat dalam mikrofilem.

banyak jilid (jumlah ini hanya dikira satu versi atau satu jilid sahaja).

Senarai koleksi manuskrip yang ada dalam simpanan Arkib Pusat Sejarah<sup>18</sup> pula sebanyak 22 naskhah (sila lihat lampiran 4). Sebahagian daripada naskhah-naskhah ini mungkin juga sama dengan yang terdapat di kedua-dua institusi iaitu di Muzium dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk mengkaji sama ada manuskrip-manuskrip berkenaan mempunyai persamaan dan perbezaan bukanlah tujuan kajian ini.

Koleksi perseorangan juga dapat menambahkan khazanah negara di dalam bentuk puisi. Syair-syair yang disebutkan merupakan koleksi yang tidak dijumpai di ketiga-tiga institusi yang tersebut di atas. Manuskrip itu cuma didapati di dalam beberapa buah rencana tetapi tidak pula menyebutkan siapa pemilik atau di mana institusinya. Syair-syair yang dimaksudkan ialah Syair

---

18. Ihsan daripada Arkib Pusat Sejarah, NBD.

Berzanji, Syair Cinta Jenaka, Syair Laila Syair,<sup>19</sup> Syair Awang Alak, Syair Pulau Berambang, Rejang Dagang dan Rajang Berahi.<sup>20</sup> Berkemungkinan banyak lagi syair-syair yang dimiliki oleh orang perseorangan di kampung-kampung dan ini memerlukan pengkajian yang lain pula pada masa yang akan datang.

#### 2.4 Keterangan Naskhah

Pada keseluruhannya manuskrip-manuskrip yang diteliti di bahagian Arkib di ketiga-tiga institusi bukan naskhah yang asal tetapi kebanyakannya dalam bentuk salinan (xerox). Cuma ada beberapa buah naskhah asal yang sempat penulis teliti seperti Syair Rajang Ikan Dendam Berahi Kepada Kita (di Muzium), Syair Si Mercu Gunung (DBP), Syair Tanpa Tajuk atau Syair Rajang Rempah (Pusat Sejarah). Sebahagian daripada salinan manuskrip-manuskrip tersebut telah dijilid (diberi kulit tebal) atau dibuat

---

19. Hj. Hashim Hj. Abd. Hamid, "Syair Dan Lagu-Lagu Rakyat Berunai (Brunei)", Bahana, BSB., NBD: DBP., September 1989, hal. 30.

20. Dalam Shaer Yang Di Pertuan, BSB., NBD: Muzium, 1979, hal. Pendahuluan.

bentuk monograf. Namun dari gambaran salinan manuskrip-manuskrip tersebut, jelas menunjukkan naskhah-naskhah asal (termasuk naskhah asal yang diteliti) dalam keadaan yang tidak begitu memuaskan dan daif. Ini disebabkan oleh beberapa hal. Pertama, ada sebahagian naskhah syair-syair yang tidak lengkap kerana tidak ada halaman-halaman awal dan akhir yang dapat memberi keterangan penting seperti pengarang, penyalin, pemilik, judul, tarikh, mukadimah, kolofon dan sinopsis. Kedua, keadaan naskhah itu sendiri yang sudah carik dan berpenggal-penggal. Ini menyebabkan bait dan ayat-ayatnya terputus atau hilang yang menyebabkan maksudnya kurang jelas. Contohnya Syair Rajang Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita (lihat lampiran 5). Ketiga, keadaan fotokopi yang tidak memuaskan (halaman kertas terputus). Keempat, Koleksi-koleksi ini masih belum dikatalog dan diberi klasifikasi. Hanya yang tercatat ialah senarai naskhah-naskhah dengan angka-angka menurut kronologi atau tarikh perolehan bahan. Senarai ini tidak memberikan keterangan tentang sesebuah naskhah apakah bentuk manuskrip tulisan tangan, cap batu, facsimile dan lain-lain. Juga, tidak dapat dipastikan

apakah ia berupa transkripsi rumi dari naskhah jawi atau penyalinan semula dengan tulisan jawi dari naskhah asal.

#### **2.4.1 Pengarang**

Oleh kerana kebiasaan orang-orang Melayu tidak menonjolkan diri malah karya-karya mereka dianggap hak bersama, maka kebanyakan syair-syair Melayu di Alam Melayu termasuk Brunei tidak terdapat nama pengarang. Biasanya apa yang didapati ialah nama pemilik syair atau nama pemberi hadiah syair tersebut kepada pihak arkib. Contohnya Syair Sultan Ahmad Tajuddin yang dipunyai oleh Dayang Siti Ziapah binti Awang Damit, Kampung Saba, Brunei. Syair Rajang Bulan dipunyai oleh Haji Metali bin Sabtu. Syair Cermin Islam hadiah daripada Hajah Fatimah bte Pg. Haji Besar. Selain daripada itu, juga tercatat nama-nama penjual naskhah asal kepada pihak arkib. Contohnya Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh) yang dibeli oleh Arkib Muzium daripada Cikgu Misbak Hj. Yusof (kepunyaan neneknya di Kampung Batu Apoi). Hanya di pertengahan kurun ke 20, penulisan syair ada menyebut nama pengarang. Di antara syair-syair Melayu Brunei yang terdapat nama pengarangnya ialah:-

Sifat Dua Puluh Dengan Syair Nasihat  
oleh Hj. Metassim.

Syair Perlembagaan Negeri Brunei  
oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Syair Asli Rajang Hari  
oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Syair Kenangan  
oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Rampaian Laila Syair  
oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Syair Rajang Jenaka  
oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien.

#### **2.4.2      Judul**

Kebanyakan naskhah syair yang asal tanpa judul atau tajuk. Perkara ini berlaku kerana naskhah asal kebanyakannya dalam keadaan yang rosak dan daif (tanpa kulit). Justeru itu ada syair yang diberi judul oleh pihak arkib sebagai Syair Tanpa Tajuk seperti kod PS/A/M/0001/91, PS/A/M/0002/89 dan lain-lain. Judul-judul yang tercatat di kulit luar (dalam bentuk salinan fotokopi) sesebuah syair adalah judul yang diberikan oleh pihak arkib sama ada bertulis dengan dakwat atau pensil. Contohnya Syair Sultan Jamalul Alam, Syair Awang Semaun,

Syair Perempuan dan Syair Tikus. Catatan judul syair-syair ini mungkin bersumber dari isi naskah syair-syair berkenaan atau judul yang diberikan oleh pemilik syair-syair tersebut.

Di bawah ini disenaraikan syair-syair yang mempunyai judul dan tanpa judul (tetapi mengandungi kod) yang tergolong ke dalam syair-syair Melayu Brunei sahaja:

Syair Awang Semaun, Syair Sultan Jamalul Alam, Syair Sultan Ahmad Tajuddin, Syair Agama/Himpunan Syarat Rukun Bagi Budak-Budak, Syair Rajang, Syair Rajang 'B', Syair Nasihat Dengan Sifat Dua Puluh, Syair Yang Di Pertuan Brunei, Syair Nasihat (Arkib/BM/No.100/80), Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh), Syair Perkahwinan oleh Hamid Pahlawan Jaafar, Ilmu Orang Tua-Tua Serta Nabi Allah Bercukur, Syair(?) (Arkib/BM/No. 178/83), Syair(?) (Arkib/BM/No. 187/83), Syair Tersilah Cerita Abang Gudam Dengan Temenggong Kadir Negeri Seribas, Syair Rajang Bulan, Syair Rajang Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita, Syair Menjelang Jubli Perak Perpuspaan, Syair Si Mercu Gunung, Syair Rakis Dua Belas, Syair Raja Jumjumah, Rampaian Laila Syair, Syair Tikus, Syair Nasihat

(PS/A/M/0002/1988), Syair Perlembagaan Negeri Brunei,  
Syair Asli Rajang Hari, Syair Kenangan, Syair Rajang Kuda,  
Syair Rajang Jenaka, Syair Rajang Rempah, Syair Tanpa  
Tajuk (PS/A/M/0005/1989), Syair Rasul Allah, Syair Tanpa  
Tajuk atau Syair Rajang Buah-buahan.<sup>21</sup>

#### 2.4.3. Usia Naskhah

Jika ditinjau keadaan naskhah-naskhah di bahagian arkib di institusi-institusi yang tersebut di atas memanglah telah lama usianya jika dipandang pada bentuk dan jenis kertas yang digunakan serta isi yang didedahkan di dalam syair berkenaan. Beberapa pengkaji luar dan dalam negeri telah berpandu pada kriteria yang demikian. Di antaranya ialah Dr. Russel Jones dan Awang bin Ahmad.

---

21. Syair Rajang Buah-Buahan ini adalah judul yang diberi oleh pengkaji sendiri setelah meneliti isi naskhahnya.

Menurut Russel Jones,<sup>22</sup> kebanyakannya manuskrip-manuskrip lama di Brunei, sama ada di Muzium dan di DBP Brunei rata-rata usianya kurang lebih seratus tahun. Pandangan beliau berdasarkan kepada jenis-jenis kertas sesebuah manuskrip. Di antara jenis kertas yang biasa digunakan oleh pengarang-pengarang Brunei menurut beliau ialah jenis 'tikas air superfine' yang bertarikh pada tahun 1887 yang terdapat dalam Syair Nasihat dan Hikayat Dang Rokam.

Pandangan Awang bin Ahmad (A.B. Ahmad)<sup>23</sup> pula ketuaan sesebuah manuskrip adalah berdasarkan pada keseluruhan isi manuskrip, lebih-lebih lagi yang mengandungi tarikh, masa atau waktu ia siap ditulis. Naskhah tersebut ialah Syair Raja Jumjuma. Syair ini lebih tua usianya jika dibandingkan dengan usia Syair Nasihat (yang dikatakan di atas) dengan beberapa genre prosa yang lain seperti Hikayat Dang Pandan Larangan dan Hikayat Dang Rokam.

---

22. A.B. Ahmad, "Manuskrip Lama Brunei", Bahana, BSB., NBD: DBP., September 1984, hal. 18.

23. Ibid., hal. 18.

Syair Raja Jumjuma ditulis pada 1 Rejab Tahun Hijrah 1267 bersamaan dengan Tahun Masihi 1846 yang berusia kira-kira 147 tahun. Tetapi catatan mengenai pengarangnya tidak disebutkan. Dalam rangkap yang ke 176 dan 177 dapat diketahui syair ini siap ditulis:-

Tamat syair Raja Jumjuma,  
sehari bulan purnama,  
iaitu Rejab gelaran utama,  
yaumil khamis hari yang kelima

(Sy. Raja Jumjuma, hal. 50)

Tengah naik matahari waktu,  
kepada suatu bilangan tentu,  
seribu dua ratus bilangan bulan,  
enam puluh tujuh lagi membantu.

(Sy. Raja Jumjuma, hal. 51)<sup>24</sup>

Menurut A.B. Ahmad, berkemungkinan Syair Raja Jumjuma inilah naskhah yang paling tua di antara banyak manuskrip-manuskrip yang lain. Tetapi tidak mustahil mungkin ada lagi yang lebih tua yang masih dimiliki oleh perseorangan.<sup>25</sup>

---

24. Haji Mahadi Metarshad, Syair Raja Jumjuma, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, UBD., NBD., sesi 1990/1991, hal. 50-51.

25. A.B. Ahmad, op. cit., hal. 19.

#### 2.4.4 Tarikh

Manuskrip-manuskrip syair sebagaimana juga manuskrip lama Brunei dan naskhah-naskhah tua Melayu yang lain, kebanyakannya tidak memberikan tarikh bila ia ditulis atau disusun. Hanya beberapa naskhah syair saha ja yang tercatat tarikh yang dijumpai di dalam bait-bait syair sama ada pada mukadimah, pertengahan halaman mahupun pada kolofonnya. Contohnya Syair Raja Jumjuma dan Syair Sifat Dua Puluh dengan Syair Nasihat. Lihat contoh dalam Syair Sifat Dua Puluh Dengan Syair Nasihat di bawah:-

Setelah selesai syair disusun,  
di hospital Brunei madah tarjuntun,  
khatam kepada empat belas haribulan Jun,  
sembilan belas enam puluh dua kebetulan tahun.

(Sy. Sifat Dua Puluh dengan  
Sy. Nasihat, hal. 19)

Selain daripada itu ada juga tarikh yang disertakan, bukanlah catatan pengarang itu sendiri tetapi diberi andaian atau dijangka oleh para pengkaji kemudian berdasarkan latar belakang usia seseorang pengarang, sejarah hidup yang dilaluinya atau suasana yang berlaku di

sekitar negaranya. Contohnya Syair Rakis karangan Pg. Syahbandar Md. Salleh bin Pg. Syarmayuda yang diagakkan tahun penulisannya pada sekitar tahun 1840-an.<sup>26</sup>

#### 2.4.5 Mukadimah

Mukadimah adalah penting dalam sesuatu teks lama kerana daripada mukadimah dapat diketahui tentang pengarang, tarikh, masa dan puji-pujian kepada Allah dan Rasul. Secara umumnya naskhah syair-syair Melayu Brunei mengandungi mukadimah (kecuali halaman-halaman yang hilang dan koyak seperti Syair Awang Semaun A/BM/No. 1975-vol. 4).

Mukadimah yang biasa ditonjolkan adalah dengan menyebut nama Allah seperti:-

---

26. Abdullah Hussain dan Muslim Burmat (ed.), mengatakan tahun 1840 dalam Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei, KL., DBP., 1984, hal. vi. Zakaria Ariffin pula berpendapat Syair Rakis ditulis di sekitar tahun 1845 dalam judul "Syair Rakis: Karya Sastera Melayu Brunei Yang Pertama?" Dewan Sastera, KL: DBP., Januari 1982, hal. 75.

Bismillah itu permulaan kalam,  
dengan nama Tuhan Khaliq al-Alam,  
mengetahui rahsia luar dan dalam,  
sekalian makhluk kafir dan Islam.

(Sy. Perempuan, hal. 1)

Pengarang merendah diri:-

Bismillah itu mula karangan,  
ditulis oleh dagang buangan,  
sajaknya janggal kurang bilangan,  
tulisnya jahat dikata jangan.

(Syair Sifat Dua Puluh dengan  
Sy. Nasihat, hal. 1).

Permohonan pengarang kepada Allah:-

Bismillah itu mula berfirman,  
awal menyebut Khaliq al-Rahman,  
ya Ilahi ku pohonkan iman,  
supaya kalbu dapat siuman.

(Sy. Rajang Kuda, hal. 10)

Pesanan pengarang:

Bismillah itu mula tulisan,  
bukannya dalil sedar paraisan (فارابي),<sup>27</sup>  
dagang yang hina ampunya pesan,  
kepada segala Islam dan ihsan.

(Sy. Rajang Rempah, hal. 1)

---

27. Mungkin yang dimaksudkan penyair ialah 'perasaan'.

Menyatakan masa dan tarikh:

Hijrat nabi rasul junjungan,  
seribu tiga ratus pada bilangan,  
lima puluh tujuh lagi gerangan,  
alam pendita punya hitungan.

Pukul lima jam berlari,  
waktu petang masuk matahari,  
masa itulah kalam berperi,  
mengusai syair waktu malam hari.

(Sy. Jamalul Alam, hal. 1)

#### 2.4.6 Kolofon

Kolofon juga penting dalam sesuatu teks lama kerana kadang-kadang pengarang memberi tahu masa dan tempat karyanya dikarang. Bagi naskhah syair-syair Melayu Brunei secara umumnya sama dengan naskhah-naskhah syair di Alam Melayu iaitu mengandungi kolofon. Akan tetapi oleh kerana manuskrip syair-syair Melayu Brunei banyak halaman-halaman akhirnya yang telah hilang dan koyak atau memang naskhah-naskhah itu tidak lengkap maka segala keterangan tersebut tidak ditemui.

Pada kolofon yang menyatakan tarikh, masa dan tempat sesuatu yang diceritakan itu kadang-kadang

dimasukkan ke dalam bait syair (sebagai bait-bait penutup). Contoh:-

Setelah selesai syair disusun,  
di hostel Brunei madah tarjuntun,  
khatam kepada empat belas haribulan Jun,  
sembilan belas enam puluh dua kebetulan tahun.

(Sy. Sifat Dua Puluh Dengan Sy. Nasihat, hal. 19)

Satu ciri yang menarik di bahagian kolofon ini ialah pesanan seseorang pengarang kepada pembaca atau peminjam naskhah agar berhati-hati ketika membaca.

Contoh:-

Haji Metassim berkirim salam,  
kepada sekalian pembaca nazam,  
jikalau sudah baik pemaham,  
jangan dikoyak jangan direndam.

(Sy. Sifat Dua Puluh Dengan Sy. Nasihat, hal. 19)

Berjalan di tepi pagar,  
berjumpa dengan anak pendita,  
pesanan kepada ampunya syair,  
jangan membaca dekat pelita.

(Sy. Rajang Kuda, hal. 31)

Kadang-kadang di bahagian kolofon ini juga pengarang mengingatkan pembaca agar jangan mencela atau menghina karyanya. Sebagai contoh:-

Negeri Surati dari Janggala,  
kapal berlari menuju di Sungai Pekan,  
bekas tangan orang jangan dicela,  
barang yang lain mengucapkan akan.

(Sy. Rajang Rempah, hal. akhir)

Kolofon yang biasa ditulis adalah dalam satu ayat (bukan bait) di bawah bait syair yang terakhir. Diturunkan contohnya:-

'Tertulis kepada haribulan Jamadil Akhir selikur siang selasa jam pukul satu sudahnya itulah adanya'


(Sy. Rajang Rempah, hal. akhir)

#### **2.4.7 Cara Penulisan Teks**


Kebanyakan manuskrip syair ditulis tanpa rangkap atau bait. Kita hanya dapat membezakan di antara bait dengan bait yang lain melalui bunyi rima di hujung baris. Pada pertengahan ruang diselitkan sama ada satu garis, dua

garisan, ditulis seperti huruf '  ', bertanda ' x ' dan seperti bunga '  '. Untuk lebih jelas sila lihat salinan asal lampiran 6, 7, 8, 9 dan 10, sebagai contoh:-


Contoh: Syair Jamalul Alam




Contoh: Syair Tikus




Contoh: Syair Rajang Rempah



Contoh: Syair Perempuan (Rasi Jodoh)



Contoh: Syair Rajang Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita



#### **2.4.8 Transliterasi**

Kebanyakan syair yang disenaraikan (di bahagian arkib) belum ditransliterasi daripada teks jawi kepada ejaan rumi. Hanya sebahagian sahaja yang sudah diselenggarakan oleh pihak Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah dan oleh mahasiswa Universiti Brunei Darussalam. Di antara naskhah-naskhah syair yang telah diungkayahkan (diusahakan) pentrasliterasiannya ialah:-

Muzium - Syair Awang Semaun (vol. 4).<sup>28</sup>

Syair Yang Di Pertuan.<sup>29</sup>

Syair Tersilah Cetera Abang Gudam Dengan Temenggung Kadir Negeri Seribas.<sup>30</sup>

---

28. Belum diterbitkan.

29. Dikarang oleh Abdul Razak bin Hassanudin, Monograf Jurnal, Muzium Brunei, 1979.

30. Ditransliterasi oleh Richard, 1962 tetapi belum diterbitkan.

Dewan Bahasa -	<u>Syair Si Mercu Gunung.</u> <sup>31</sup> <u>Syair Perempuan.</u> <sup>32</sup> <u>Syair Rajang.</u> <sup>33</sup>
Pusat Sejarah -	<u>Syair Rakis.</u> <sup>34</sup>
Sanib Said dan - pelajar-pelajar sejarah tahun 2	<u>Syair Rajang Rempah.</u> <sup>35</sup> <u>Syair Awang Semaun.</u> <sup>36</sup>
Hj. Zaman Hj. - Damit	<u>Syair Sultan Ahmad</u> <u>Tajuddin.</u> <sup>37</sup>
Hj. Mahadi Hj. - Metarshad	<u>Syair Raja Jumjuma.</u> <sup>38</sup>
Awg. Mohd. Yussuf- bin Hj. Besar	<u>Syair Awang Semaun.</u> <sup>39</sup>

---

31. Belum diterbitkan. Keterangan daripada Awang Ahmad dalam temubual pengkaji pada 20 Julai, 1993.

32. Ibid.

33. Sudah terbit (versi C) dan diselenggarakan oleh Awang bin Ahmad, 1986.

34. Dikarang oleh Pengiran Syahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Syarmayuda, dikaji dan disusun oleh Mohd. Jamil al-Sufri, op. cit.

35. Belum diterbitkan.

36. Universiti Brunei Darussalam, NBD, November 1986.

37. Satu kajian Latihan Ilmiah, op. cit.

38. Latihan Ilmiah, op. cit.

39. Latihan Ilmiah, op. cit.

Hjh. Rayah Md. - Syair Perlembagaan Negeri Brunei.<sup>40</sup>  
Ali

Ampuan Hj. - Syair Rajang Manuscript D.<sup>41</sup>  
Ibrahim

## 2.5 Ciri-ciri Syair

Pada asasnya ciri-ciri syair Melayu Brunei tidak berbeza dengan ciri-ciri syair Melayu yang lain. Negara Brunei Darussalam tidak banyak menghasilkan puisi syair jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain di Nusantara tetapi cukup membanggakan dengan sifat keunikan dan keistimewaan tersendiri yang dimilikinya.

### 2.5.1 Ciri-ciri Umum

Ciri-ciri umum yang biasa dalam sesbuah syair Melayu terdiri daripada:-

- i. Empat baris dalam serangkap atau dalam satu bait.

---

40. Laltihan Ilmiah, op. cit., .

41. Tesis, op. cit.

- ii. Mengandungi lapan atau sepuluh suku kata dalam setiap baris.
- iii. Setiap baris mengandungi empat kata dasar atau perkataan.
- iv. Skema rima akhir adalah a-a-a-a.
- v. Dalam satu baris, terdapat suatu hentian yang sekaligus mewujudkan irama.
- vi. Syair tidak mengandungi dua baris sebagai sampiran dan maksud seperti seuntai pantun tetapi keseluruhan baris merupakan satu kesatuan idea.
- vii. Untuk membina kesatuan idea tersebut, syair tidak hanya terdiri daripada satu rangkap melainkan ia terbina dengan beberapa rangkap yang mengikutinya.

viii. Syair bukan sahaja mengenai sesuatu cerita yang panjang malah penerangan sesuatu subjek termasuk falsafah, nasihat dan agama.

#### **2.5.2 Ciri-ciri Syair Melayu Brunei**

Di antara ciri-ciri syair Melayu Brunei yang menampakkan ciri-ciri kebruneian yang tradisional ialah:-

- i. Hasil karyanya adalah gambaran suasana masyarakat Brunei. Misalnya kisah dalam Syair Awang Semaun dan Syair Rakis.
- ii. Tokoh atau nama-nama watak juga terdiri daripada nama yang tidak asing bagi orang-orang Brunei. Contohnya nama Awang Semaun itu sendiri, Awang Alak Betatar, Si Mercu Gunung dll.
- iii. Judul atau tajuk sesebuah syair umumnya diketahui dan mudah dikenali oleh masyarakat Brunei, misalnya Syair Rajang.

iv. Bentuk atau jilidan manuskrip amat menarik dan unik. Sebahagian jilidan syair dijahit dengan benang dengan cara berselang. Bagi manuskrip di bahagian prosa hikayat pula ada kulit manuskrip dibuat dari kertas tebal yang disalut dengan kain batik atau samarenda Brunei. Helai-helai kertasnya dijahit dan tetulangnya dilapis dengan kertas surat khabar yang kebanyakannya kertas-kertas akhbar Inggeris keluaran sebelum perang dunia II, bahkan lebih awal dari masa tersebut.<sup>42</sup> Keunikan jilidan ini telah menarik perhatian dan dikagumi oleh Dr. Russel Jones dan Annabel Teh Gallop yang pernah meneliti sendiri manuskrip Brunei di akhir tahun 1980.<sup>43</sup>

v. Dakwat hitam yang digunakan hampir sama dengan dakwat cina tetapi ternyata buatan tempatan.<sup>44</sup>

---

42. Harun Mat Piah dan Ismail Hamid, op. cit., hal. 108.

43. Awang Ahmad, "Identiti Manuskrip Brunei Lama", Bahana, BSB., NBD: DBP., Mac 1989, hal. 36.

44. Ibid., hal. 36.

vi. Kertas tulisnya juga terdiri dari kertas cina (chinese paper) tidak mempunyai cap air (water mark), tetapi ada bayangan garis-garis horizontal dan vertikal.<sup>45</sup>

vii. Bentuk tulisan jawinya pula mempunyai kelainan dengan pengarang-pengarang tradisional lainnya di dunia (lihat balik lampiran 5, 6, 7 dan 8).

viii. Seperti kebanyakan manuskrip Melayu, permulaan atau pembukaan naskah syair diberi ilustrasi, ukir-ukiran dan lukisan. Kadang-kadang berbentuk bunga dan tumbuh-tumbuhan, contoh: Syair Rajang Kuda (lihat lampiran 11). Bentuk bendera dan panji-panji, contohnya Syair Sultan Ahmad Tajuddin (lihat lampiran 12).

ix. Banyak menggunakan perbendaharaan kata atau dialek Melayu Brunei. Misalnya:-

---

45. Harun Mat Piah dan Ismail, op. cit., hal. 108.

Perangainya bodoh akalnya pandak,  
rezekinya kurang makin menyintak,  
dahulukan tinggi ke bawah latak,  
ibarat katak mencari lupak

(Sy. Perempuan, hal. 41).

- x. Penggunaan lambang menggambarkan keunikan syair-syair Melayu Brunei. Contohnya lambang-lambang yang digunakan dalam Syair Rakis seperti udang galah, harimau cencudik, pari, paya, gunung, kura-kura, bingkarung, buaya. Contoh penggunaannya dalam syair:

Hairanku sangat terbalik-balik,  
negeri yang besar seperti bilik,  
udang galah jadi cencudik,  
harimau yang garang dapat dimilik.

Sudahkehendak Tuhan yang kaya,  
gunung yang tinggi menjadi paya,  
pari menjadi sikura-kura,  
bingkarung sudah jadi buaya.

(Sy. Rakis, hal. 68).

## 2.6. Klasifikasi Syair

Klasifikasi syair-syair Melayu Brunei ini adalah berdasarkan kepada perihal (perkara) dan isi yang diteliti

secara rambang (tidak terperinci). Justeru itu, klasifikasi atau penjenisan yang dibuat dan disenaraikan di bawah bukanlah berupa pendekatan yang tepat tetapi hanya melihat secara umum sahaja. Walau bagaimanapun kajian ini merupakan langkah awal dalam menggolongkan syair-syair Melayu Brunei kerana sejauh ini belum ada kajian mengenainya yang dilakukan oleh para penulis tanahair baik yang berbentuk ilmiah atau pun tidak.

Beberapa orang sarjana telah mengklasifikasikan syair-syair Melayu ke dalam beberapa kategori yang mencakupi bidang keperihalan (subject matter), tema dan isi sesebuah syair. Umpamanya Za'ba,<sup>46</sup> C. Hooykaas,<sup>47</sup> Liaw Yock Fang,<sup>48</sup> dan Harun Mat Piah.<sup>49</sup>

---

46. Ismail Hamid, The Malay Islamic Hikayat, KL: UKM., 1983, hal. 39.

47. C. Hooykaas, op.cit., hal. 73.

48. Liaw Yock Fang, Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik, Singapura: Pustaka Nasional, 1978, hal. 293.

49. Harun Mat Piah, op. cit., hal. 243.

Menurut Za'ba, syair-syair Melayu terbahagi kepada tiga golongan iaitu syair keagamaan, syair berbentuk rekaan(fantasi) dan syair historiografi Melayu.

C. Hooykaas juga telah membincangkan tentang penggolongan syair. Beliau telah menggolongkan syair berdasarkan isinya. Menurutnya syair ada enam<sup>50</sup> bahagian iaitu syair roman, syair bercorak cerita panji, syair lukisan zaman sekarang, syair nasihat, syair riwayat nabi-nabi dan syair ibadat.

Sementara Liaw Yock Fang mengelompokkan syair-syair Melayu ke dalam tujuh golongan<sup>51</sup> yang juga berdasarkan kepada isi dan keperihalan yang ditonjolkan iaitu syair panji, syair romantis, syair kiasan, syair sejarah, syair saduran, syair keagamaan dan syair-syair yang tidak dapat digolongkan. Sayangnya beliau tidak

---

50. Zaiton Yahya mengatakan lapan golongan (tambahan: Syair Zaman Purbakala dan Syair Percintaan) di dalam "Syair Qahar Masyhur", Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Universiti Malaya, sesi 1984, hal. 128-129.

51. Menurut kenyataan awal, beliau mengatakan pembahagian syair ada enam golongan tetapi keterangan yang dipaparkan ada tujuh golongan dalam Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik, hal. 293.

menjelaskan apakah syair-syair yang tidak dapat digolongkan itu.

Kajian mutakhir tentang klassifikasi syair telah diusahakan oleh Harun Mat Piah. Beliau merumuskan bahawa syair-syair Melayu terbahagi ke dalam tujuh golongan yang besar berdasarkan pada tema dan isi kepenyairan iaitu yang 'berupa cerita' (*narratives*) dan yang 'bukan cerita' (*non-narratives*). Cerita-cerita romantis, cerita-cerita sejarah, cerita-cerita keagamaan dan cerita-cerita kiasan tergolong ke dalam syair-syair yang berupa cerita. Sementara syair-syair agama, syair nasihat dan tema-tema lain yang berasingan termasuk ke dalam golongan yang bukan cerita.

Dengan bersandarkan kepada penggolongan yang dibuat oleh Harun tersebut, apatah lagi jika ditinjau pada perihal dan isi-isi syair maka syair-syair Melayu Brunei, dapat dibahagikan kepada dua golongan besar dan sembilan golongan kecil.

Penggolongannya seperti berikut:-

- (1) Cerita (*narratives*).
- (2) Bukan Cerita (*non-narrative*).

(1) Cerita:-


- i. Cerita-Cerita Romantis
- ii. Cerita-Cerita Sejarah/Historiografi
- iii. Cerita-Cerita Keagamaan

(2) Bukan Cerita:-

- iv. Agama
- v. Nasihat
- vi. Rajang (*rejang*)
- vii. Falsafah dan Pemikiran
- viii. Syair Rasi atau Raksi
- ix. Syair Tanda atau Alamat

Untuk lebih jelas, sila lihat carta 1:-

Carta 1



## **2.6.1 Cerita**

### **2.6.1.1 Cerita-cerita Romantis**

Syair-syair yang tergolong ke dalam golongan ini hampir sama dengan cerita-cerita rakyat, penglipur lara, hikayat-hikayat, epik-epik dan karangan-karangan prosa. Fabulanya (jalan cerita) berpusat pada seseorang watak iaitu putera atau puteri raja yang menempuh berbagai peristiwa, tetapi di akhir cerita akan mencapai kejayaan dan kebahagiaan. Dari segi plot, watak-watak utama pada peringkat permulaannya bertemu dan mengalami alam percintaan. Namun demikian percintaan mereka tidak senang untuk menuju kejayaan, dan sebaliknya pasti menempuh liku-liku perjuangan, dugaan dan cubaan. Misalnya hero dan herowatinya terpaksa menghadapi tentangan, peperangan, pengembalaan, dendam dan malapetaka yang lainnya. Akhirnya mereka berjaya dan dapat menyelesaikan masalah kerana bantuan sama ada daripada Tuhan, kuasa-kuasa yang luar biasa pada seseorang hero. pertolongan makhluk-makhluk yang lain dan sebagainya.

Antara judul-judul syair yang bersifat demikian (termasuk cerita-cerita panji) yang terdapat di Alam Melayu ialah seperti Syair Ken Tambuhan, Syair Undakan Undakan Agung Udayu, Syair Panji Semirang, Syair Angreni, Syair Jalan Temasa, Syair Bidasari, Syair Damar Wulan, Syair Puteri Handalan, Syair Dandan Setia, Syair Puteri Kamar, Syair Siti Zubaidah, Syair Si Lindung Delima, Syair Ratu Juwita, Syair Batu Belah Batu Bertangkup, Syair Kumbang Mengindera, Syair Yatim Nestapa, Syair Abdul Muluk, Syair Lelakon Kumitar, Syair Surat Gambuh, Syair Mambang Jauhari, Syair Cinta Berahi dan Syair Sinyor Kosta.

Di Negara Brunei Darussalam syair yang tergolong ke dalam golongan ini ialah Syair Si Mercu Gunung.<sup>52</sup>

---

52. Naskhah asal disimpan dalam plastik. Keadaannya terlalu daif. Kertasnya sudah berwarna coklat tua dan hampir reput (pengkaji tidak dapat melihat keseluruhan isinya). Naskhah ini tanpa pengarang, tanpa tarikh, tanpa mukadimah tetapi telah ditransliterasi oleh pihak Arkib DBP dengan kod no. 000064. Naskhah transliterasi ini di beri kepada pengkaji atas ihsan Awang bin Ahmad (bagi pihak Arkib) pada 22 Julai 1993. Naskhah ini ceritanya bermula pada halaman 101 hingga 278. Oleh kerana banyak halaman dan bait-bait syair telah hilang menyebabkan ceritanya agak kurang lengkap iaitu di halaman 102, 103, 108, 112, 114, 116, 119, 159, 164, 160, 190, dan 191. Namun demikian jalan ceritanya masih boleh diikuti.

Secara ringkas sinopsis ceritanya adalah seperti berikut:-

Raja yang tinggal di Halangkapuri mempunyai seorang putera dan seorang puteri. Yang putera diberi nama Betara Agung (Si Mercu Gunung). Si Mercu Gunung menyintai puteri Kasuma (Puteri Intan Terjurai). Burung bayan/nuri disuruh mencari puteri yang telah dilukisnya. Mereka sampai ke negeri Jamain Umbar hingga ke mahligai bergantung. Puteri sedang bergurau senda di tempat itu. Si Mercu Gunung ingin melamar puteri tersebut<sup>53</sup> tetapi dijawab oleh ayahanda tuan puteri bahawa ia sudah bertunang dengan Sultan Ketiga yang bertapa di Gunung Sembiga. Perkhabarannya yang negatif ini telah melukakan hati si Mercu Gunung lalu ia berazam untuk menyerang. Si Mercu Gunung telah dinasihati oleh kedua orang tuanya agar jangan melawan Sultan Ketiga (tunangan puteri) kerana Sultan Ketiga adalah seorang yang gagah dan kuat. Buktinya ramai anak raja yang mendapat bencana dan kecelakaan seperti yang terjadi kepada anak Raja Keling.

---

53. Andaian pengkaji saja kerana pada bait-bait halaman 112 hilang, tiba-tiba cerita berkisar pada kenyataan puteri sudah bertunang.

Tetapi Si Mercu Gunung tetap berkeras untuk menyerangnya. Dengan segala daya dan kekuatan, Si Mercu Gunung serta kuncu-kuncunya telah berjaya ke Jamain Umbar. Si Mercu Gunung bertukar menjadi 'seekor bayan' (bersarung) dan memakai 'doa bangkai'. Kemudian ia menjadi 'ular cinta mani'. Seisi istana jadi gawat dan gempar. Tuan puteri jatuh pengsan selama sembilan hari. Tuan puteri disembuhkan oleh 'ular cinta mani' lalu tuan puteri jatuh cinta kepada Si Mercu Gunung. Dengan perkenan ayahanda bonda tuan puteri maka tuan puteri pun dikahwinkan dengan Si Mercu Gunung/Nakhoda Ajung. Mereka telah mengadakan pesta keramaian dan majlis berjaga-jaga selama sembilan hari. Berita ini telah terdengar oleh Sultan Ketiga yang akhirnya menimbulkan kemarahan dan dendam kesumat di dadanya. Baginda dengan bantuan raja-raja yang lain menyerang Negeri Jamain Umbar. Pertarungan sengit berlaku antara Si Mercu Gunung dengan Sultan Ketiga. Akhir cerita kekalahan di pihak Sultan Ketiga.

Cerita ini bertemakan 'demi cinta dan cita-cita orang akan sanggup melakukan perjuangan dan pengorbanan walaupun ke titisan darah yang terakhir'.

### **2.6.1.ii    Cerita-Cerita Sejarah atau Historiografi**

Golongan syair ini juga bersifat cerita tetapi peristiwa yang dikisahkan sebahagiannya memang benar-benar berlaku atau wujud pada tokoh (watak), latar (tempat) atau suasana (peristiwa).

Cerita-cerita jenis ini melibatkan ramai watak selain daripada watak utamanya. Satu keistimewaan syair-syair Melayu Brunei golongan ini kebanyakannya tokoh utamanya terdiri daripada orang-orang bangsawan, kerabat-kerabat diraja ataupun Sultan yang memerintah.

Peristiwa-peristiwa yang didedahkan pula berbeza dengan kebanyakannya syair-syair Melayu di Nusantara. Syair-syair Melayu kebiasaannya menumpukan pada kisah-kisah peperangan dan pertempuran tetapi syair-syair Melayu Brunei tidak demikian. Hal ini telah ditegaskan oleh Liaw Yock Fang, "... bahawa syair sejarah bukanlah hanya menumpukan perhatian kepada peperangan semata-mata hingga boleh disebut sebagai syair perang sahaja."<sup>54</sup>

---

54. Liaw Yock Fang, op. cit., hal. 305.

Di antara syair-syair Melayu yang tergolong ke dalam golongan ini seperti Syair Perang Mengkasar, Syair Perang Banjarmasin(sama dengan Syair Pengeren Syarif Hasyim), Syair Perang Johor, Syair Perang Perak, Syair Perang Turki dan Russia, Syair Raja Siak, Syair Sultan Maulana, Syair Moko-Moko, Syair Himop, Syair Perang Kaliwunqu, Syair Perang Menteng, Syair Perang Palembang, Syair Inggeris Menyerang Kota, Syair Sultan Mahmud, Syair Residen De Brau. Sementara syair-syair yang bukan bercorak perang ialah Syair Pelayaran Sultan Iskandar, Syair Bah Singapura, Syair Singapura Terbakar, Syair Sultan Abu Bakar dan Syair Sultan Mansur.

Judul-judul syair Melayu Brunei yang termasuk ke dalam golongan ini ialah seperti Syair Awang Semaun, Syair Sultan Jamalul Alam, Syair Sultan Ahmad Tajuddin, Syair Yang Di Pertuan Brunei Sultan Mohammad Jamadul Alam, Syair Rakis Dua Belas, Syair Perlembagaan Negeri Brunei, Syair Yang Di Pertuan Melawat Ke Labuan, Syair Yang Di pertuan Berpuspa, Syair Pulau Berambang dan Syair Awang Alak.

Syair-syair Melayu Brunei yang bercorak sejarah ini selain daripada mengisahkan lawatan-lawatan di Raja, ia juga memaparkan nasihat-nasihat tentang bagaimana mewujudkan sebuah negara yang makmur, aman dan berdaulat. Maksudnya jauh daripada anasir-anasir yang tidak baik yang akan ditempuh oleh Negara Brunei Darussalam. Unsur-unsur nasihat yang diberi sama ada dari pembesar-pembesar negara kepada raja, contohnya Syair Rakis Dua Belas atau nasihat dari seorang sultan kepada para pembesar dan juga rakyat, contohnya Syair Perlembagaan Negeri Brunei oleh Almarhum Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Kalau menurut sukat-sukat historiografi Melayu, hanya Syair Awang Semaun (SAS) yang dikira menghampiri ciri-ciri sastera tradisional yang bercorak historiografi ini. Ini disebabkan kebanyakan cerita-cerita yang bercorak historiografi adalah dalam bentuk prosa. Di antara ciri-ciri historiografi ialah mitos asal usul raja dan tempat, pembukaan negeri, jurai keturunan, kemasukan Islam dan suasana pada zaman pengarang khususnya raja-raja yang memerintah pada zaman pengarang itu sendiri.

Dalam SAS, Awang Alak Betatar yang menjadi raja Brunei pertama (1363-1402)<sup>55</sup> dikatakan berasal dari kayangan. Awang Alak Betatar mempunyai 14 orang adik beradik.

"... ketika remaja Sultan Dewa Emas kayangan tiba di ulu Sungai Limbang dalam sebutir telur. Baginda berkahwin dengan seorang perempuan Murut dari Limbang. Bila isterinya hamil tiga bulan, Dewa Emas terpaksa memburu tembadau, idaman isterinya. Dalam usaha mendapatkan balik sinipit yang terlekat di badan tembadau, ia tidak lagi dapat pulang kepada isterinya. Tetapi ia sempat meninggalkan sebentuk cincin dan sekeping nota untuk isterinya. Beliau berkahwin lagi di hulu dan hal yang sama berlaku sampai empat belas kali. Akhirnya putera-puteranya bertemu, tinggal bersama ayahanda mereka di kayangan dan kemudian turun semula ke bumi..."<sup>56</sup>

Mengapakah soal kayangan terserah dalam SAS?

Hal inilah yang ingin ditekankan oleh SAS bahawa keturunan raja-raja Brunei bukanlah dari sembarang orang tetapi dari keturunan yang berdarjat lagi mulia.

---

55. Senarai silsilah Sultan-Sultan Brunei, ihsan daripada Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, NBD., 1990.

56. Siti Hawa bte Haji Salleh, "Karya-karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi: Sorotan Khas Kepada Syair Awang Semaun", kertas kerja Seminar Sejarah Brunei, BSB., NBD: Pusat Sejarah, 28-31 Ogos 1989, hal. 21.

SAS juga menceritakan mitos asal usul tempat yang boleh didapati di Negeri Brunei sekarang yang berasal dari beberapa kejadian. Sebagai contoh kampung Bukit Salat adalah berasal dari perlawanan ayam Mutiara dengan ayam Asmara:-

Ayam mutiara tinjak berangkat,  
ayam asmara kena balikat,  
kena di Bukit putus menyingkat,  
terbang menjadi nan Bukit Salat.<sup>57</sup>

Mengenai pembukaan negeri dalam SAS tidak ada peristiwa-peristiwa ganjil yang berlaku seperti pembukaan negeri-negeri yang termasyhur di dalam Sejarah Melayu seperti nama Temasik menjadi Singapura yang berpunca dari nama seekor binatang yang besar dan gagah yang dilihat oleh Sang Nila Utama sewaktu berburu. SAS mengisahkan Awang Alak Betatar sudah pun menjadi raja di Garang sebelum berpindah rendah ke tempat lain seperti Pirasong, Burung Lepas, Terusan, Limbang, Butir dan akhir sekali Brunei.

---

57. Matassim Haji Jibah, "Syair Awang Semaun", Berita Muzium, NBD: Muzium, Bil. 2 dan 3 April-September, 1980, hal. 23-25. Beliau merujuk versi SAS FC/ML/31 dan versi SAS ML/31/1975.

Kemasukan agama Islam ke Brunei telah dikaitkan dengan nama Syarif Mumfakih. Di samping menyebarkan agama Islam, beliau juga menjadi menantu Awang Alak setelah mengahwini puteri baginda. Kemudian baginda sendiri memeluk agama Islam bergelar Sultan Muhammad Syah 1.

Banyak perubahan yang berlaku ke atas Brunei ketika pemerintahan Baginda. Baginda mula mengukuhkan kedudukan dengan meluaskan daerah pemerintahannya. Beginda juga telah mengukuhkan perhubungan dengan kerajaan lain sama ada melalui perkahwinan, perniagaan dan peperangan. Orang yang memainkan peranan penting dalam usaha tersebut ialah adinda baginda yang bongsu yang bernama Awang Semaun. Awang Semaun digambarkan sebagai orang yang gagah, pintar dan berani.

Tema syair ini berbunyi, 'keagungan sesebuah negara, bukan saja diukur pada kemuliaan seorang raja tetapi pada pembangunan rohani dan jasmani rakyat, masyarakat dan negara'.

### **2.6.1.iii Cerita-cerita Keagamaan**

Ciptaan syair dalam kategori ini juga serupa dengan syair-syair Melayu di Nusantara iaitu bersifat cerita pada sesuatu watak atau pada sesuatu peristiwa yang ada hubungannya dengan agama Islam. Kebanyakan tokoh memang pernah wujud dalam sejarah Islam tetapi tidak kurang pula ada watak-watak yang telah ditokok tambah dengan unsur-unsur dongeng dan mitos. Antara tujuan penciptaannya adalah menyampaikan pengajaran agama, memperkenalkan keistimewaan tokoh-tokoh yang terkenal dalam sejarah Islam dan tidak kurang juga untuk menaikkan imej serta keunggulan agama Islam itu sendiri.

Antara judul-judul syair Melayu golongan ini ialah Syair Nur Muhammad, Syair Nabi Allah Ayub, Syair Nabi Allah Ibrahim, Syair Nabi Allah Adam, Syair Nabi Allah Yusuf, Syair Anbia, Syair Adham dan Syair Abdassaman.

Di Negara Brunei Darussalam syair yang tergolong dalam kategori ini ialah Syair Raja Jumjuma.<sup>58</sup>

Ringkasan Syair Raja Jumjuma<sup>59</sup>

Syair ini dimulai dengan cerita hamba (mungkin Raja Jumjumah)<sup>60</sup> mengikut dia lalu bertemu dengan Malaikat. Di sana terpandang negeri neraka yang di dalamnya berbagai-bagai jenis isi neraka seperti kampung, rumah-rumah, telaga yang semuanya berisi binatang bisa seperti ular, kala, naga dll. dengan api yang bernyalanya. Penyiksaan itu diceritakan oleh Raja Jumjumah (Tengkorak Kering). Tengkorak menjawab setiap pertanyaan Nabi Isa tentang siksanya hidup dalam neraka. Malaikat telah menerangkan bahawa penyiksaan ini dilakukan kerana

---

58. Hj. Mahadi Metarsad, op. cit., Bab III.

59. Ibid. Menurut kajian beliau di halaman iii dan iv, teks yang dikaji tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam huruf jawi tulisan tangan. Ia mengandungi 64 halaman. Rangkap syair terdiri dari 243 bait. Terdapat halaman-halaman yang sudah rosak seperti hal. 47 bait 3 dan 4, halaman 52 tak boleh dibaca terutama bait 2, 3 dan 4 manakala halaman 54 dan 55 pula telah hilang. Di halaman 3, kenyataan beliau lagi teks ini tanpa nama pengarang. Mengenai tarikh penulisan (di hal. 5) pula ada dinyatakan di dalam rangkap Syair Raja Jumjuma iaitu pada hari Khamis 1hb. Rejab Tahun Hijrah 1267, bersamaan dengan Tahun Masehi 1846.

60. Setiap tanda kurungan ( ) adalah tambahan dari pengkaji.

dosa-dosa manusia melakukan keingkaran kepada Allah dan hadith Junjungan seperti makan riba, minum tuak atau arak, cara berpakaian kafir, mengumpat, derhaka kepada ibu bapa, tidak taat kepada suami, menyakiti anak yatim, tidak memberi zakat, berbuat zina, meninggalkan solat, sombong dan takbur, membunuh anak, menghukum dengan tidak adil, bermain alat bunyi-bunyian, melukis gambar-gambar binatang dll.

Rupa dan bentuk penyiksaan berbagai-bagai  
seperti lidah panjang sampai ke dada, muka patah dan tubuh hitam bercalar-calar, bangun rebah, berjalan bertongkatkan lidah, bibir bercabang, mulut disumbatkan dengan seketul daging yang busuk, kedua belah tangan kudung, kaki dipampang (diikat), perut buncit, lidah yang panjang menjilat perut sendiri, berbaring-baring dalam neraka dll.

Hasil dari penglihatan dan pengalaman sendiri tentang bagaimana siksanya hidup dalam api neraka maka Raja Jumjuma atau Tengkorak Kering ini memohon ampun akan dosa-dosanya kepada Allah Subhanahu Wataala semasa hidup di dunia. Tengkorak Kering merayu kepada Nabi Isa agar

ia didoakan 'memulangkan badan' (hidup semula). Maka Nabi Isa pun mengambil ranting kayu lalu dikikiskan pada Tengkorak. Kemudian Nabi Isa sembahyang lalu berdoa:-

Rangkap 160      Ya Illahi ya Tuhanmu,  
                      engkau juga sangat berlaku,  
                      tengkorak kering sudah mengaku,  
                      berteguh janji dengan diaku (diriku).

Rangkap 161      Janjinya teguh sudah muktamat,  
                      kepada engkau berbuat khidmat,  
                      jikalau tidak hari kiamat,  
                      redalah diberi lumat (hancur).

Dengan berkat doa Nabi Isa ini, maka Tengkorak Kering/Raja Jumjuma pun hidup semula tetapi baginda tidak mahu menjadi raja lagi. Baginda berikrar akan berbuat bakti kepada Allah selama 12 tahun untuk menuntut ilmu dari para ulama.

Di dalam bahagian akhir syair ini selain daripada pengarangnya memberi nasihat kepada manusia agar berbuat amal ibadat semasa hidup di dunia, ia juga bercampur dengan kisah rasa cinta dan dendam berahi. Kemudian diulangi lagi kisah Raja Jumjuma di dalam kubur dan neraka.

Justeru itu, kandungan isi naskah syair ini kurang tersusun kerana di bahagian permulaan tiada mukadimah manakala di bahagian akhir ceritanya bercampur aduk kerana rangkap terakhir berbunyi begini:-

Rangkap 243      Akan kataku pertama pula,  
                      siapa Tuhanmu ertinya pula,  
                      engkau ini seperti gila,  
                      tiada mengenal Tuhan hak Ta'ala.

Di bawah diturunkan perbandingan ceritanya dengan versi Melayu iaitu dalam prosa 'Hikayat Jumjumah atau Tengkorak Kering'.<sup>61</sup>

Sinopsis: Hikayat Jumjumah

Sultan Jumjumah merupakan Raja yang amat besar kekuasaannya. Baginda memerintah selama 400 tahun. Baginda telah wafat. Suatu hari Nabi Allah Isa Alaihissalam sedang berjalan-jalan di Padang Negeri Syam maka bertemu dengan satu Tengkorak Kering lalu diangkat

---

61. Hikayat Jumjumah atau Tengkorak Kering Boleh Berkata-kata karangan Babu Daman Syah, Singapura: Sulaiman Marie, tanpa tarikh. Kulit berilustrasi dengan Tengkorak Kering. Hikayat ini dalam tulisan jawi. Salinannya ihsan daripada Abu Hassan Sham kepada pengkaji.

oleh Nabi Isa sambil berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala agar Tengkorak Kering ini boleh berkata-kata. Dengan takdir Allah Taala, maka Tengkorak Kering ini dapat berkata-kata lalu ia menceritakan tentang diri dan pengalamannya di dalam kubur dan api neraka.

Pada mulanya Tengkorak Kering menceritakan pada Nabi Allah Isa bahawa ia seorang pemurah, kaya, lengkap dengan kebesaran, kemuliaan dan kemasyhuran kerana menjadi Raja di dalam negeri Syam, Mesir. Suatu hari, Raja Jumjumah telah gering. Ia telah didatangi oleh Malak ul maut (Malaikat Izrail) dengan mengenakan penyiksaan yang dahsyat semasa mencabut nyawa baginda. Penyiksaan ini dibuat kerana baginda tidak menurut firman Allah dan sabda Rasulullah semasa hidup di dunia kecuali sedekah baginda. Demikian juga siksaan yang dilakukan oleh Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur. Malaikat pernah menyatakan sambil disaksikan sendiri oleh Tengkorak Kering bahawa siksaan dalam api neraka lebih dahsyat lagi ke atas sesiapa yang derhaka terhadap Allah seperti meminum arak dan tuak, berpakaian kafir, derhaka terhadap ibu bapa, derhaka kepada suami, mengambil keuntungan berganda-ganda,

makan riba, tidak mengeluarkan zakat, berbuat zina, main judi, berbuat fitnah, makan harta anak yatim, meninggalkan sembahyang, main bunyi-bunyian, bermuka-muka dll. Akibat daripada perbuatan-perbuatan itu maka Tengkorak Kering dan manusia yang lain telah disiksa di dalam api neraka. Hasil daripada pengalaman dan penglihatan Tengkorak Kering terhadap balasan siksaan di dalam api neraka tersebut maka Tengkorak Kering pun meminta ampun kepada Allah Subhanahu Wataala dengan berkata, "Ya Tuhanmu ampunilah dosa hambamu ini... dan sesungguhnya engkau Tuhanmu yang menjadikan aku dan lagi yang memberi aku kemuliaan dan kebesaran."

Di akhir cerita, Tengkorak Kering meminta Nabi Isa tolong berdoa kepada Allah S.W.T. agar Tengkorak Kering dapat hidup lagi di dunia dan dapat menghabarkan (memberi berita) kepada orang-orang yang hidup di dunia supaya dapat berbuat ibadat dan taat kepada Allah. Di atas kehendak Tengkorak Kering maka doa Nabi Isa dimakbulkan oleh Tuhan. Nabi Isa pun mengambil ranting kayu lalu dipalukannya ke tanah maka tanah yang lekat pada ranting itu disapukan kepada Tengkorak Kering berserta dengan kain putih. Kemudian ditudung ke atas Tengkorak Kering lalu

Nabi Isa pun berdoa kepada Allah S.W.T. yang berbunyi, "... dengan berkat kebesaran-Mu dan kemuliaan-Mu jua aku pohonkan kepada-Mu ya Tuhanku Engkau jua Tuhan yang amat mengetahui hai sekalian hamba-Mu, ya Tuhanku hidupkan apalah Tengkorak Kering ini ke dalam dunia. Ia telah berjanji hendak berbuat ibadat kepada-Mu dan menurut firman-Mu dan akan menjauhi segala larangan-Mu ya Tuhanku." Setelah selesai berdoa maka Tengkorak Kering pun mengucap syahadat dan memohon lagi agar ia akan hidup berjasa dan berbuat bakti kepada Allah S.W.T. iaitu melalui permohonan doanya kepada Nabi Isa sekali lagi. Maka nabi Isa pun solat empat rakaat dengan dua salam. Dengan takdir Allah, maka hiduplah Raja Jumjumah seolah-olah orang yang berumur dua puluh tahun lalu ia mengucap syahadat dan kembali ke negeri Syam. Sekembalinya baginda, seluruh rakyat terperanjat kemudian sujud kepadanya. Baginda menceritakan hal ehwal dan segala peristiwa semasa baginda disiksa di dalam api neraka. Melalui pengalaman itu, Raja Jumjumah tidak mahu lagi menjadi raja dan tidak berkehendakkan kepada harta benda tetapi menasihati rakyat agar menurut perintah dan firman Tuhan yang sebenar. Raja Jumjumah pun duduk di sebuah

rumah sentiasa berbuat ibadat dan berpuasa kerana Allah S.W.T. siang dan malam serta meminta ampun segala dosanya sampai baginda meninggal. Berkata setengah kaul, baginda hidup empat puluh tahun dan setengahnya lagi mengatakan empat puluh hari.

Demikianlah cerita hikayat Raja Jumjumah dalam versi Melayu. Cerita dalam versi ini agak lengkap jika dibandingkan dengan Syair Raja Jumjuma versi Brunei seperti yang telah dipaparkan di atas tadi. Walaupun terdapat beberapa perbezaan yang ketara dari segi pengolahan cerita namun tema dan mesej yang ingin disampaikan oleh kedua-dua pengarang adalah tetap sama iaitu 'manusia janganlah lalai serta ingkar terhadap kewajipan sebagai seorang insan muslim semasa hidup atau selagi ada hayat di dunia'.

#### **2.6.2 Bukan Cerita (*non-narrative*)**

Hasil karya dalam kategori ini adalah syair-syair yang bukan berbentuk cerita. Isinya banyak memaparkan tentang hukum-hukum Islam seperti Fiqah,

Tauhid, Tassawwuf, Falsafah, Nasihat yang bertujuan memandu masyarakat agar hidup berlandaskan dengan nilai-nilai agama dan etika yang baik. Di antara genre syair yang tergolong ke dalam golongan ini ialah Syair Agama, Syair Nasihat, Syair Rajang (Rejang), Syair Falsafah atau Pemikiran, Syair Rasi atau Raksi, Syair Tanda atau Alamat.

#### **2.6.2.iv Syair Agama**

Penonjolan Syair Agama di Negara Brunei Darussalam, tidak ada bezanya dengan syair-syair Melayu Nusantara yang lain. Syair ini mengisahkan tentang ibadat, pendekatan diri dengan Tuhan, perihal siksa kubur, alam akhirat dan pengajaran umum.

Syair-syair Melayu yang tergolong di dalam kelompok ini seperti Syair Ibadat, Syair al-Salat, Syair Rukun Nikah, Syair Mekah atau Haji, Syair Makrifat Allah, Syair Sifat Dua Puluh, Syair Kiamat, Syair Neraka, Syair Islam, Syair Cermin Islam dan Syair Orang Berbuat Amal.

Begitu juga syair-syair Hamzah Fansuri yang banyak membicarakan bidang keagamaan dan ketuhanan. Misalnya Syair Si Burung Pingai, Syair Sidang Fakir, Syair Dagang, Syair Perahu.

Antara judul-judul syair Melayu Brunei yang termasuk dalam kategori ini ialah Sifat Dua Puluh Dengan Syair Nasihat, Syair Rasul Allah, Syair Himpunan Syarat Rukun Bagi Budak-Budak, Ilmu Orang Tua-Tua dan Syair Nabi Allah Bercukur.

Di dalam Syair Sifat Dua Puluh Dengan Syair Nasihat<sup>62</sup> terdapat berbagai-bagai nasihat dan peringatan kepada manusia. Di antara nasihatnya yang penting ialah manusia hendaklah mengerjakan suruhan Tuhan dan menjauhi larangan-Nya. Sifat dua puluh Allah Taala juga wajib dipelajari oleh orang-orang Islam, di antaranya ialah

---

62. Syair ini dikarang oleh Tuan Imam Haji Metassim bin Haji Mat Jaafar. Naskhah dalam tulisan jawi cetak yang mengandungi 19 halaman. Cara penulisannya tanpa rangkap atau bait dengan garisan satu di tengah-tengah ruangan. Syair ini dicipta sewaktu beliau di hostel Brunei di Kuala Lumpur iaitu ketika mengiringkan putera Sultan. Naskhah ini mengandungi mukadimah dan penutup. Tarikh penulisan juga ada disebut di dalam bait syair iaitu khatam pada 14hb Jun 1962.

Wujud (ada), Qidam (sedia), Baqa (kekal), Mukhalafatuhu lilhawadith (bersalah dengan segala yang baharu), Kiamuhu binafsih (berdiri sendiri), Wahdaniah (asa), Kudrat (kuasa), Iradat (berkehendak), Ilmu (tahu), Hayat (hidup), Sama' (mendengar), Basar (melihat), Kalam (berkata-kata), dan lain-lainnya. Para nabi dan malaikat juga wajib dipercayai.

#### **2.6.2.v Syair Nasihat**

Syair Nasihat ada unsur-unsur persamaan dengan Syair Agama iaitu dalam menyampaikan pengajaran dan didikan kepada masyarakat. Cuma bezanya nasihat dalam Syair Agama lebih menumpukan pada bidang keagamaan dan hal-hal kehidupan alam akhirat sedangkan unsur-unsur pengajaran dalam Syair Nasihat memberi pandangan secara umum yang meliputi pelbagai bidang termasuk agama, politik, sosial dan lain-lain sebagai panduan kepada setiap golongan masyarakat baik pada pihak pemimpin, pemerintah, pentadbir, penguasa, para elit, pekerja mahupun rakyat. Nasihat-nasihat yang sering dikemukakan

Sebagai contoh diturunkan sinopsis Syair Nasihat.<sup>63</sup> Syair Nasihat ini berupa pandangan dari seorang pengarang kepada seorang Raja kerana tercatat perkataan 'Tuanku' di dalam bait-bait syair tersebut. Beliau berharap agar Rajanya sebagai seorang pemimpin memuliakan dan meyakini kitab (mungkin yang dimaksudkannya ialah al-Quran). Pengarang juga menyarankan agar pemimpin (Raja) dan seluruh masyarakat jangan lalai dengan terlalu banyak makan dan tidur kerana ini boleh mendatangkan bebal dan lupa ingatan:-

Tiada menaruh pendirian permai,  
seteru pun banyak terlalu ramai,  
Tuanku jangan terlalu lalai,  
carilah ceteria menteri yang pandai.

(Sy. Nasihat, hal. 16)

Demikian juga seseorang pemimpin seharusnya beringat-ingat dan berhati-hati terhadap tipu muslihat para pendengki dan musuh atau seteru. Jika mentadbirkan negeri mestilah bermesyuarat terlebih dahulu dengan para

---

63. Naskhah ini ihsan daripada pihak Arkib DBP melalui Awang bin Ahmad kepada pengkaji. Naskhah ini telah ditransliterasi ke edisi rumi oleh pihak Dewan tetapi belum diterbitkan. Naskhah bermula pada halaman 1 hingga 102. Tanpa nama pengarang dan tarikh ia ditulis. Ia mengandungi bait-bait permulaan dan penutup.

pembesar negara (Wazir dan Menteri). Jika menjatuhkan hukuman mestilah dengan adil, tidak zalim kepada rakyat, pandai menilai haram dan halal pada semua perkara. Dinasihatkan juga pada sepuluh perkara yang membawa kebaikan kepada manusia iaitu membiasakan diri duduk bersama ulama, menyapu kepala anak yatim, mengucap istighfar tiap-tiap hari, membaca 'Surat al-Ikhlas' pada waktu subuh, puasa dalam bulan Ramadhan, melihat Kaabah, melihat muka sendiri, menilik muka pendita, memandang muka ibu bapa dengan sukacita dan memandang warna hijau. Sebaliknya lima perkara tidak digalakkan melakukannya iaitu banyak minum dan makan, tidur yang berlebihan, banyak ketawa, banyak angan-angan dan makan segala yang haram. Seterusnya disebutkan juga hari-hari yang baik dan tidak baik jika melakukan sesuatu, misalnya jangan berbekam atau membuang darah pada enam belas haribulan dan lain-lain.

#### **2.6.2 vi Syair Rajang (Rejang)**

Syair Rajang sebenarnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu Syair Rajang yang bersifat cerita romantis

dan Syair Rajang bukan cerita. Kisah romantis yang terdapat dalam syair-syair Rajang seperti Syair Rajang Kuda, Syair Rajang Buah-Buahan Cinta Berahi, Syair Rajang Rempah, Syair Rajang Bulan dan Syair Rajang Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita.<sup>64</sup>

Syair-syair di atas ceritanya berkisar pada alam percintaan, kasih sayang dan rindu dendam dua orang yang sedang berkasih-kasihan dan dilamun cinta. Namun demikian, cara percintaan dan kasih sayang dalam syair-syair Rajang agak berbeza dengan syair-syair romantis yang lain. Ini disebabkan dalam syair-syair romantis (bercorak cerita) mengandungi plot dan fabula (jalan cerita) awal dan akhir tetapi dalam Rajang di sini cuma berlaku dialog-dialog percintaan sahaja. Hal ini terjadi kerana bukan plot dan fabula yang hendak dikemukakan pengarang tetapi sebaliknya pada pengertian dan fahaman kita terhadap hari-hari dalam sebulan yang disebut sebagai rajang (rejang). Rajang bermaksud ramalan hari dan bulan dalam Islam yang

---

64. Dalam senarai Arkib Muzium judulnya berbunyi "Syair Raja Ikan Penghibur Dendam Berahi Kepada Kita."

ada kaitannya dengan kepercayaan terhadap raksi dan nilai-nilai pada hari dan bulan.<sup>65</sup> Biasanya rajang-rajang yang dipaparkan ialah binatang seperti kuda, tikus, kerbau dan lain-lain. Namun demikian di negara Brunei Darussalam, rajang juga terdiri daripada buah-buahan, ikan dan rempah-rempahan.

Syair-syair rajang yang bercorak bukan cerita pula lebih mirip kepada syair yang bercorak nasihat dan agama seperti Syair Asli Rajang Hari dan Syair Rajang Jenaka oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien dan Syair Rajang 'D'.

Sebagai contoh diturunkan rajang yang disebutkan dalam sebulan dalam rajang buah-buahan.

---

65. Harun Mat Piah, op. cit., hal. 280.

Contoh:- Syair Rajang Buah-Buahan Cinta Berahi:

PS/A/M/0001/91<sup>6</sup>6

*1hb -	rajangnya durian
2hb -	" mau <sup>6</sup> 7
3hb -	" langsat
4hb -	" mangosta <sup>6</sup> 8
5hb -	" balunu
6hb -	" pitabu <sup>6</sup> 9

-----  
66. Judul ini diberi setelah meneliti isi naskhah dan catatan di bahagian kolofon berbunyi 'tamatlah ini syair karangan dinamakan dia Rajang Buah-Buahan Cinta Berahi yang amat molek cerita ini demikianlah adanya", hal. 35. Tetapi dalam senarai Arkib Pusat Sejarah diberi kod 'Syair Tanpa Tajuk: PS/A/M/0001/91.

67. Buah mau ialah buah mata kucing.

68. Mengosta ialah buah manggis.

69. Pitabu ialah sejenis tumbuhan, *mangifera*.

\* Catatan: Nama buah-buahan yang ada di dalam syair ini sebahagiannya sudah ada istilahnya dalam glosari atau anotasi. Yang belum, diberi nota kaki. Istilah-istilah ini didapati sebahagiannya dari kajian pengkaji di Jabatan Pertanian (Awg. Jumat Hj. Alim), Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, BSB., NBD., Oktober. 1994, Sebahagiannya lagi dari Kamus Bahasa Melayu Brunei dan Kamus Dewan. Buah yang bertanda (?) tidak diketahui.

7hb -	"	<b>manungan</b>
8hb -	"	<b>maritus</b>
9hb -	"	<b>tarap</b>
10hb -	"	<b>lakang</b>
11hb -	"	<b>harut<sup>70</sup></b>
12hb -	"	<b>rambai</b>
13hb -	"	<b>mambangan</b>
14hb -	"	<b>rambutan</b>
15hb -	"	<b>kambayau</b>
16hb -	"	<b>tibadak<sup>71</sup></b>
17hb -	"	<b>sukang</b>
18hb -	"	<b>maritam<sup>72</sup></b>
19hb -	"	<b>rukam</b>
20hb -	"	<b>binjai</b>
21hb -	"	<b>matan</b>
22hb -	"	<b>mambacang<sup>73</sup></b>

70. Harut = Asut (?)

71. Tibadak adalah buah cempedak.

72. Maritam sejenis buah pulasan.

73. Mambacang = embacang iaitu sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya yang sangat kuat baunya), *Mangifera foetida*.

23hb -	"	<b>santul<sup>74</sup></b>
24hb -	"	<b>mampalam</b>
25hb -	"	<b>mangga</b>
26hb -	"	<b>ciku</b>
27hb -	"	<b>tampoi</b>
28hb -	"	<b>jambu</b>
29hb -	"	<b>kandis</b>
30hb -	"	<b>wani<sup>75</sup></b>

Contoh pemakaiannya dalam syair:-

Tiga puluh haribulan rajangnya wani,  
 dibawa kapal dari labuan,  
 jikalau selaku si anakan ini,  
 mabuk di dalam lautan rawan.

(Sy. Rajang Buah-Buahan, hal. 34)

#### 2.6.2.vii      Syair Falsafah dan Pemikiran

Syair-syair yang tergolong ke dalam golongan ini

---

74. Santul = sentul. 1. Adalah sejenis tumbuhan (pokok), *Sandoricum indicum*; 2. Sejenis tumbuhan (pokok), *Sandoricum Koetjape*.

75. Wani = mangga wani iaitu sejenis tumbuhan (pokok), *Mangifera odorata*.

ialah karya-karya yang dihasilkan oleh Almarhum Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Judul-judulnya seperti Rampaian Laila Syair, Syair Asli Rajang Hari, Syair Kemerdekaan, Syair Rajang Jenaka dan Syair Kenangan. Falsafah dan pemikiran yang menonjol ialah falsafah negara Melayu, Islam, Beraja yang dikaitkan terus dengan pemikiran ke arah sosial, ekonomi, pendidikan dan agama. Pemikiran-pemikiran yang dibentangkan bukan saja tertuju kepada bakal-bakal pemimpin malah kepada rakyat dan masyarakat Brunei umumnya. Contoh-contoh syair dan keterangannya terdapat di dalam bab 3.2.

#### 2.6.2. viii Syair Rasi (Raksi)

Rasi atau Raksi, bererti sesuai atau sepadan. Suatu ilmu yang ada hubungannya dengan kepercayaan antara nasib manusia dengan ilmu bintang dan perubahan cakerawala, terutama perjodohan.<sup>76</sup>

Dalam masyarakat Melayu tradisional baik di

---

76. R.J. Wilkinson, Kamus Jawi Melayu Inggeris, Baharudinjoha, Alai Melaka, 1903, hal. 333.

Semenanjung Tanah Melayu mahupun Brunei memang menjadi kebiasaan masyarakat mencari atau menilik kerasian antara dua orang yang bakal berjodoh dengan berdasarkan nilai huruf-huruf Arab (atau jawi) yang membina nama-nama mereka.

Di Tanah Melayu syair yang termasuk ke dalam golongan ini ialah Syair Raksi. Manakala di Negara Brunei Darussalam terkenal dengan Syair Perempuan.

Dalam Syair Perempuan,<sup>77</sup> pengarang menyarankan agar seorang lelaki berhati-hati dalam memilih pasangan hidupnya (isteri). Pengarang telah memberi angka-angka dan huruf-huruf jawi sebagai pertanda baik dan pertanda buruk atau tidak baik. Sebagai contoh diturunkan sedikit pertanda baik dan buruk tersebut:-

Pertanda baik

2 dan 2 = tiada keciwa

Pertanda buruk

1 dan 4 = tiada muafakat

---

77. Naskhah ini dalam bentuk tulisan rumi yang telah diberi oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Awang bin Ahmad kepada pengkaji pada 22 Julai, 1993. Dalam naskhah ini tiada nama pengarang, terbitan dan catatan tarikh bila ditulis. Ia mengandungi 72 halaman yang bermula dengan menyebut nama Allah.

2 dan 4 = berkasih-kasihan  
3 dan 6 = murah rezeki

4 dan 8 = bahagia

4 dan 9 = hidup sukar dll

Oleh yang demikian pengarang menyimpulkan jika seseorang lelaki tiada mendapat angka-angka seperti yang disarankan sebagai satu 'kerasian', maka lebih baik jangan meneruskan perkahwinan. Cuba lihat apa kata pengarang dalam bait berikut:-

Tamat karangan dalang di sini,  
sanak saudara baik tahani,  
jika tak dapat rasi begini,  
jangan sekali mengambil bini.

(Sy. Perempuan, hal. 34)

#### **2.6.2.ix Syair Alamat atau Tanda**

Alamat atau Tanda bererti pertandaan (suatu tanda akan terjadi sesuatu).<sup>78</sup> Salah satu syair Melayu Brunei yang tergolong ke dalam golongan ini ialah Syair

78. W.J.S Purwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Djakarta: Dinas Penerbitan Balai Pustaka, 1961, hal. 28 dan 1008.

Tikus<sup>79</sup> atau Syair Takbir.<sup>80</sup> Syair ini mengutarakan bentuk-bentuk kepercayaan lama dalam masyarakat Melayu Brunei. Misalnya kepercayaan terhadap pakaian dan barang-barang yang dimakan tikus, peristiwa-peristiwa ganjil dan gerak pada badan yang boleh membawa perkara atau tanda baik dan tanda buruk jika terjadi pada diri seseorang. Menurut kepercayaan ini jika mendapat pertanda baik maka seseorang itu akan berasa lega, gembira dan sukacita tetapi jika sebaliknya iaitu jika mendapat alamat buruk hendaklah orang itu membuat tolak bala agar kesan yang tidak baik (celaka) itu tidak akan terjadi.

Di bawah ini dipetik beberapa contoh kepercayaan tanda atau alamat daripada semua perkara yang disebutkan di dalam syair ini:-

Jika leher baju dimakan tikus alamatnya orang

---

79. Judul Syair Tikus ini menurut Awang bin Ahmad adalah keterangan dari pemilik asalnya.

80. Hj. Hamid Hj. Jaluddin, memberi nama judul "Syair Takbir" dalam rencana Sastera dan Budaya, Pelita Brunei, BSB., NBD: Jabatan Penerangan, 30 Jun, 1993, hal. 3.

yang empunya baju akan beroleh harta. Tetapi jika lengan kiri baju dimakan tikus alamatnya rumah dan kampung orang yang empunya baju itu akan terbakar. Maka orang ini hendaklah melakukan tolak bala dengan memberi kain sehelai berserta emas. Jika nyiur kembar dua atau tiga, alamat atau takbirnya akan mendapat keuntungan atau berhimpun sekalian adik dan kakak. Tolak balanya ialah dua atau tiga ekor lembu disembelih diberi kepada jiran sekampung. Tetapi jika biawak masuk ke dalam rumah, alamat atau takbirnya ialah mendapat kecelakaan atau anak cucunya akan lebur. Tolak balanya ialah memberi sedekah emas sekupang berserta kain dan tiga puluh biji telur kepada fakir miskin. Mengenai gerak pada badan pula jika kening kiri dan kanan bergerak-gerak alamat akan bertemu harta dan kekasih hati. Tetapi sebaliknya jika biji mata di bawah bergerak-gerak alamatnya akan menangis dan didatangi bala. Di bawah diberi beberapa contoh petikan dalam syair (benda-benda lain yang dimakan tikus):-

Tikar dan tilam lagi tersebut,  
dimakan tikus barsagut-sagut,  
celaka besar hendak mengikut,  
memberi sedekah janganlah takut.

Dengarkan tuan tolak balanya,  
harga dua suku akan sedekahnya,  
orang balu mati lakinya,  
perempuan bunting mengandung anaknya.

Jikalau kita tiada menurut,  
alamat kita mati berturut,  
dibunuh oleh kayan dan murut,  
atau karam di tengah laut.

(Sy. Tikus/Sy. Takbir, hal. 5)

Untuk gambaran yang lebih jelas, di bawah  
diturunkan carta 2 bagi contoh-contoh syair yang termasuk  
ke dalam golongan cerita dan bukan cerita.

Carta 2

Golongan Cerita Dan Bukan Cerita

	i. Syair Romantis	<u>Syair Si Mercu Gunung</u>
1. Cerita	ii. Sy. Sejarah/ historiografi	<u>Sy. Awq. Semaun, Sy. Sultan Jamalul Alam, Sy. Sultan Ahmad Tajuddin, Sy. Yang Di Pertuan Brunei Sultan Mohammad Jamadul Alam, Sy. Rakis Dua Belas, Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, Sy. Yang Di Pertuan Melawat ke Labuan, Sy. Yang Di Pertuan berpuspa, Sy. Yang Di Pertuan melawat ke Singapura, Sy. Pulau Berambang dan Sy. Awq. Alak</u>
	iii. Sy. Cerita Keagamaan	<u>Sy. Raja Jumjuma</u>
2. Bukan Cerita	iv. Sy. Agama	<u>Sifat Dua Puluh Dengan Sy. Nasihat, Sy. Rasul Allah, Sy. Himpunan Syarat Rukun Bagi Budak-Budak, Ilmu Orang Tua- Tua dan Sy. Nabi Allah Bercukur</u>
	v. Sy. Nasihat	<u>Sy. Nasihat, Sy. Nasihat oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien, Sy. Kenangan, Sy. Perkahwinan</u>

vi. Rajang/ Rejang	Bersifat romantis	<u>Sy. Rajang Kuda,</u> <u>Sy. Rajang Tanpa</u> <u>Tajuk (PS/A/M/0001/</u> <u>91), <u>Sy. Rajang</u></u>
		<u>Rempah, Sy. Rajang</u> <u>Bulan dan Sy.</u> <u>Rajang Ikan Peng-</u> <u>hibur Dendam Birahi</u> <u>Kepada Kita</u>
	Bukan Cerita/ Bukan	<u>Sy. Asli Rajang</u> <u>Hari, Sy. Rajang</u>
	Bersifat Romantis	<u>Jenaka dan Sy.</u> <u>Rajang 'D', 'Sy.</u> <u>Kenangan.</u>
vii. Sy. Falsafah & Pemikiran	Syair-syair Muda Omar 'Ali Saifuddien: <u>Rampaian Laila</u> <u>Syair, Sy. Asli Rajang Hari,</u> <u>Sy. Kemerdekaan, Sy. Rajang</u> <u>Jenaka dan Sy. Kenangan.</u>	
viii. Sy. Rasi (Raksi)	Syair Perempuan	
ix. Sy. Alamat	Sy. Tikus atau Sy. Takbir	

## 2.7. Peranan Syair Dalam Masyarakat Melayu/ Brunei

Dalam zaman sains dan teknologi ini, radio, televisyen dan alat-alat canggih yang lainnya cukup berperanan untuk menyampaikan hiburan, berita, mesej,

nasihat, teguran dan pandangan baik yang berbentuk rohani maupun jasmani kepada individu dan masyarakat umum. Sebaliknya, masyarakat dulu atau dalam masyarakat tradisi merupakan sebuah masyarakat yang tertutup dari segala aspek. Mereka tertutup bukan saja dari unsur-unsur budaya, malah pengetahuan dan peralatan hiburan yang dapat memberi satu bentuk kepuasan dan keselesaan dalam kehidupan.

Kekurangan ini tentu sedikit sebanyak mempengaruhi cara berfikir dan cara kehidupan masyarakat tradisi. Dalam percakapan misalnya, mereka tidak suka berterus terang bagi menyampaikan sesuatu perkara. Tambahan pula jika yang akan diluahkan itu menyangkut soal peribadi dan perasaan hati. Anggapan mereka, perbuatan berterus terang itu sebagai perilaku yang tidak sopan dan menjatuhkan moral.

Justeru itu, dalam masyarakat tradisi peranan puisi amat memberi erti dalam kehidupan dan sekaligus mendapat penghargaan yang tinggi dalam masyarakat. Penonjolan syair bukan saja sebagai alat komunikasi dan

bahan hiburan malah sebagai satu escapism, perakam peristiwa, memberi seruan dan falsafah, lebih utama dapat mendedahkan kebekuan hati seseorang pengarang.

Di awal-awal perkembangan puisi, syair sebagai alat komunikasi digunakan buat penyebar dakwah Islamiah di Nusantara. Misalnya syair-syair yang dihasilkan oleh Hamzah Fansuri seperti Syair Perahu, Syair Dagang, Syair Burung pingai dan Syair Sidang Fakir banyak mengenengahkan ajaran-ajaran agama Islam.

Sehubungan dengan itu, cara hidup masyarakat lama tidak mementingkan diri sendiri malah mengamalkan 'masyarakat kolektivisme'. Justeru itu, mereka senantiasa bersama-sama bergotong royong (memucang-mucang), tolong menolong dan bekerjasama dengan satu konsep: 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sikap kerjasama dan memucang-mucang (bergotong royong atau tolong menolong) ini jelas kelihatan tatkala mereka bersawah padi, membina jambatan, membangun rumah, makan tahun dan lain-lain. Pada masa

inilah mereka berkehendakkan hiburan agar suasana itu menjadi meriah dan tidak terasa penat sewaktu bekerja. Disinilah puisi seperti pantun dan syair memainkan peranan penting terutama pada waktu malam apabila mereka berkumpul setelah penat bekerja pada siangnya. Misalnya dalam majlis perkahwinan, berdikir, berkhatan, mandi balawat<sup>81</sup> dan malam berjaga-jaga.

Syair sebagai alat hiburan lebih dirasakan oleh sebahagian daripada penduduk Brunei yang tinggal di Kampung Air. Semasa mereka dalam perjalanan pergi ke laut misalnya, sambil berkayuh mereka membaca syair. Mereka bersyair semata-mata untuk mengelakkan kesunyian dan seterusnya sebagai hiburan perintang waktu.

Perkembangan syair ketika itu seolah-olah sebagai satu 'escapism' kepada si pendengar terutama kepada mereka yang mengalami tekanan kejiwaan dan perasaan. Tarikan ini lebih terasa jika si pembaca syair

---

81. Mandi balawat bermaksud mandi selepas perempuan uzur (datang haid) kali pertama dan mandi selepas bersalin, biasanya pada kelahiran anak pertama atau anak yang terakhir. Dipetik dari tuturan orang tua-tua.

bersuara emas dan merdu, maka si pendengar akan merasa satu kepuasan sehingga mesej atau cerita yang disampaikan itu mendapat gambaran yang jelas seolah-olah wira/wirawati yang dikisahkan itu adalah ia (pendengar) sendiri. Justeru itu cerita-cerita romantis dalam syair mendapat tempat istimewa di kalangan semua lapisan masyarakat terutama golongan muda zaman tradisi. Misalnya syair yang digemari di Alam Melayu ialah Syair Bidasari, Syair Selindung Delima, Syair Dandan Setia dan Syair Si Mercu Gunung serta Syair Rajang di Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada itu, syair juga digunakan sebagai pencatat atau perakam bagi sesuatu peristiwa yang berlaku ketika itu khususnya kisah sejarah. Rakaman itu sama ada cerita panjang atau pendek. Misalnya di Tanah Melayu Syair Perang Mengkasar, Syair Gelam Terbakar, Syair Tawarikh Zainal Abidin III dan di Brunei pula seperti Syair Awang Semaun, Syair Perlumbagaan Negeri Brunei dan lain-lain.

Karya-karya syair juga digunakan sebagai alat menyalurkan falsafah, idea dan fikiran dalam memberikan

nasihat dan contoh teladan yang baik kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini pernah ditegaskan oleh Mohd. Taib Osman, "Syair adalah puisi narratif... tetapi bukanlah syair semata-mata bercerita, ia juga digunakan untuk menyampaikan pendapat dan buah fikiran yang berlanjutan".<sup>82</sup> Syair-syair jenis ini banyak diketengahkan dalam karya-karya Almarhum Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke 28. Misalnya Syair Nasihat, Syair Rajang Jenaka, Rampaian Laila Syair dan Syair Kenangan.

Akhir sekali, syair dapat mengungkapkan kebekuan hati seseorang pengarang. Syair jenis ini lebih banyak berinteraksi dengan menggunakan simbol atau perlambangan. Ini dilakukan semata-mata untuk tidak nampak tentangan dan tidak dapat melihat kekasaran individu atau rakyat kepada pihak-pihak yang ditujukan. Misalnya dalam Syair Rakis banyak sekali kata perlambangan yang diutarakan seperti kukang, buaya, pipit, harimau dan lain-lain. Lambang-lambang ini diajukan oleh pengarang Pengiran Syahbandar

---

82. Mohd. Taib Osman, Bunga Rampai Kebudayaan Melayu, KL: DBP., 1988, hal. 226.

Mohammad Salleh kerana tidak ingin melihat rakyat, raja dan Negara Brunei Darussalam dieksplotasi sewenang-wenang oleh orang asing.

## **2.8 Membaca Syair atau Cara Berlagu Syair-syair Melayu Brunei**

Sebagaimana yang telah diterangkan di bahagian peranan di atas, syair amat penting dalam konteks hiburan dan alat komunikasi dalam kehidupan masyarakat tradisi Melayu di Nusantara termasuk Brunei. Dalam masyarakat yang belum begitu luas ilmu pengetahuannya, kebolehan membaca amat terbatas. Justeru itu, hasil-hasil karya sastera disampaikan melalui lisan sama ada cara bercerita atau pembacaan oleh seseorang tokoh yang arif tentang lagu-lagu seperti lagu-lagu syair. Maksud tokoh yang arif dalam pembacaan syair ini ialah seseorang pembaca itu bukan sahaja dapat membaca syair dengan lancar dan suara yang merdu malahan boleh membawakan berbagai-bagai jenis irama dan lagu. Daripada pembacaan syair inilah letaknya keistimewaan puisi syair ini.

Di kalangan masyarakat Melayu Brunei membaca syair bukan saja sebagai alat hiburan malah sebagai warisan budaya yang terpenting. Justeru itu, bagi setengah-setengah kampung pembacaan syair merupakan satu 'kemestian'. Misalnya:-

"... bagi orang-orang Darat, pembacaan Syair Awang Semaun adalah satu upacara yang disambut secara besar-besaran dengan menyembelih kerbau dan memakan nasi semata-mata untuk mendengar kisah-kisah keberanian, kegagahan Awang Semaun dan cerita awal Brunei."<sup>83</sup>

Biasanya membaca syair diadakan semasa malam berjaga-jaga sempena sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan, sempena berpindah ke rumah baru, berkhatan dan lain-lain. Dalam suasana begini, biasanya orang-orang yang hadir sibuk menyediakan barang-barang keperluan seperti memasak, mengelupis dan lain-lain. Jadi, sebagai perintang waktu kepada mereka yang sibuk bekerja syair dibacakan agar suasana menjadi meriah di samping menghilangkan kepenatan mereka.

---

83. P.M. Shariffuddien, dalam Syair Yang Di Pertuan, NBD: Muzium, 1979, halaman awal.

Syair-syair yang dibaca biasanya bersambung-sambung hingga dua atau tiga malam menurut waktu mereka berjaga-jaga. Jika selesai membaca syair yang satu, akan disambung pula dengan syair yang lain.

Antara syair-syair yang digemari pada masa dahulu yang selalu dibaca dalam masa berjaga-jaga ialah Syair Awang Semaun, Syair Rajang, Syair Siti Zubaidah, Syair Dandan Setia dan lain-lain.<sup>84</sup>

Cara membaca atau berlagu syair-syair Brunei berbeza sedikit dengan masyarakat Melayu di negara-negara jiran. Syair-syair Melayu khususnya di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia), biasanya syair-syair yang berbentuk cerita (naratif) disampaikan dalam dua variasi lagu: cepat dan perlahan. Pada bahagian yang terbesar yang merupakan penceritaan biasa, syair dilakukan dalam rentak cepat, hampir seperti berzikir (*incantation*). Tetapi pada bahagian-bahagian yang lain: permulaan, penutup, pada

---

84. Awang bin Ahmad, "Membaca Syair", Rancangan Warisan Radio Brunei, pada 1 Julai 1993.

menggambarkan suasana sedih, kematian atau kekeciwaan, syair dilakukan perlahan dengan nada sedih dan merayu. Apabila syair dibaca di pesta-pesta keramaian atau pertandingan, lagu-lagu syair akan diiringi dengan muzik terutama daripada biola, armian, akordian, piano dan gitar.<sup>85</sup>

Bagi syair-syair yang bukan cerita, terutamanya yang berunsurkan agama dan nasihat, lagu-lagu yang digunakan lebih beragam dan biasanya disampaikan dengan paduan suara. Sebahagian besar daripada aspek-aspek pengajaran agama Islam seperti rukun iman, rukun sembahyang, zakat, puasa, haji dan ilmu-ilmu yang tinggi seperti ilmu usul dan tasawuf, tertulis dalam bentuk syair dan disampaikan dalam bentuk nyanyian. Oleh hal yang demikian isi atau seni katanya lebih mudah dihafal dan seterusnya diingat dan diamalkan.<sup>86</sup>

---

85. Harun Mat Piah, op. cit., hal. 266.

86. Harun Mat Piah, ibid., hal. 266.

Cara membaca atau berlagu syair bagi masyarakat Brunei pula, si pembaca syair harus tahu irama lagu sesuatu jenis syair yang hendak dilagukannya, misalnya lagu Syair Awang Semaun tidak sama dengan lagu dan alun irama Syair Rajang dan lain-lain.

Antara irama yang biasa dibacakan ialah irama Awang Semaun, irama Si Mercu Gunung, irama Tambang Syair dan irama Dendam Berahi.<sup>87</sup>

Irama Awang Semaun biasanya dibawakan oleh orang tua-tua. Sementara irama Si Mercu Gunung adalah irama yang biasa dilakukan atau dibaca oleh sesiapa saja. Irama Dendam Berahi adalah irama yang hampir sama dengan irama lagu syair-syair Melayu khususnya irama syair di Malaysia. Ketiga-tiga irama ini biasanya dibawa oleh orang perseorangan. Masanya pula di antara setengah atau satu minit dapat menghabiskan dalam 2 atau 3 rangkap. Manakala satu lagi irama yang dinamai Tambang Syair, atau disebut

---

87. Hasil temubual dengan Haji Wahab bin Begawan Pehin Tuan Imam Dato Seri Paduka Haji Metassim pada 29 Julai, 1993.

juga Menambang Syair. Irama lagu ini dibawakan atau dibacakan secara beramai-ramai, sekurang-kurangnya dua atau tiga orang. Nada lagu ini seakan-akan orang berzikir (berzikir). Masanya juga agak panjang iaitu dua atau tiga minit dapat menghabiskan 2 atau 3 rangkap. Bagi masyarakat dulu, tradisi Menambang Syair ini biasanya dibawakan sewaktu orang tua-tua di dalam perahu di bawah sinaran terang bulan, di pesta-pesta keramaian dan di majlis-majlis seperti malam berjaga-jaga di istana di raja, majlis perkahwinan, majlis berkhatan dan lain-lain.

Di antara pembaca-pembaca syair yang terkenal di Brunei ialah:-

Awang Talib Duraman,  
Awang Ladis bin Jeludin,  
Awang Haji Wahab bin Tuan Imam Haji Metassim,  
Awang Haji Metali bin Sabtu,  
Awang Haji Muhammin bin Pehin Datu Imam Haji Mokti.<sup>88</sup>

Dewasa ini pembacaan syair biasanya diiringi dengan muzik moden. Amalan ini bukanlah satu perkara yang

---

88. Hj. Hashim Hj. Abd. Hamid, "Syair dan Lagu-lagu Rakyat Berunai (Brunei)", op.cit., DBP., NBD., September 1989, hal. 32.

tidak baik, tetapi ia sudah menghilangkan warisan budaya kita yang asli dan hakiki. Justeru itu Hj. Hashim berpendapat "... membaca syair dengan iringan piano bukanlah tidak elok tetapi ia adalah unsur sisipan yang sudah dipermodenkan dan kita tidak harus bangga dengan budaya pinjaman ini sedangkan kita mempunyai keaslian sendiri, iaitu unsur budaya 'kekitaan' yang masih ada (tinggal saja kita tidak berkarih)".<sup>89</sup>

---

89. Ibid., hal. 32.